



# Renungan tentang Kehidupan Roh

Institut Ruhi



Buku 1



# Renungan tentang Kehidupan Roh

Institut Ruhi

Buku-buku dalam Siri ini:

Berikut adalah tajuk-tajuk terkini dalam siri yang dibentuk oleh Institut Ruhi. Buku-buku ini dicadangkan untuk digunakan sebagai urutan utama kursus-kursus dalam satu usaha sistematik bagi meningkatkan keupayaan belia-belia dan orang dewasa untuk berkhidmat kepada komuniti mereka. Institut Ruhi juga sedang memperkembangkan satu set kursus-kursus yang bercabang dari buku ketiga dalam siri latihan guru-guru kelas kanak-kanak Bahá'í, dan satu lagi set daripada Buku 5 bagi melatih animator kepada kumpulan belia muda. Ini juga telah dinyatakan dalam senarai di bawah. Harus dimaklumkan bahawa senarai ini akan melalui perubahan apabila pengalaman-pengalaman dari lapangan semakin maju, dan tajuk-tajuk baharu akan ditambahkan apabila bilangan elemen kurikulum yang sedang dalam perkembangan menjadi semakin meningkat sehingga mencapai tahap yang mana ianya dapat digunakan dengan meluas.

- |         |  |
|---------|--|
| Buku 1  | <i>Renungan tentang Kehidupan Roh</i>  |
| Buku 2  | <i>Bangkit untuk Berkhidmat</i>  |
| Buku 3  | <i>Mengajar Kelas Kanak-Kanak Gred 1</i><br><i>Mengajar Kelas Kanak-Kanak Gred 2 (cabang kursus, prapenerbitan)</i><br><i>Mengajar Kelas Kanak-Kanak Gred 3 (cabang kursus, prapenerbitan)</i> |
| Buku 4  | <i>Manifestasi Berkembar</i>   |
| Buku 5  | <i>Membebaskan Daya Belia Muda (edisi prapenerbitan)</i>   |
| Buku 6  | <i>Mengajar Akidah</i>   |
| Buku 7  | <i>Melangkah Bersama di Jalan Khidmat</i>  |
| Buku 8  | <i>Waadat Bahá'u'lláh (edisi prapenerbitan)</i>  |
| Buku 9  | <i>Gaining an Historical Perspective</i>   |
| Buku 10 | <i>Building Vibrant Communities</i>  |
| Buku 11 | <i>Sarana Kebendaan</i>  |
| Buku 12 | (akan datang)  |
| Buku 13 | <i>Engaging in Social Action</i>   |
| Buku 14 | (akan datang)  |

Hak Cipta © 2016 oleh Ruhi Foundation, Colombia  
Hak cipta terpelihara. Edisi 4.1.1.PE.PV diterbitkan pada Jun 2020.  
Dicetak di Sabah, Malaysia.

Penerbitan asal diterbitkan dalam Bahasa Sepanyol sebagai *Reflexiones sobre la vida del espíritu*  
Hak Cipta © 1987, 1994, 1999, 2007, 2020 oleh Ruhi Foundation, Colombia  
ISBN 978-958-59880-3-3

Kebenaran untuk pencetakan terhad buku ini ke dalam Bahasa Malaysia telah diberikan kepada Institute for Action and Development (IAD) Sabah oleh Institut Ruhi.

Institut Ruhi  
Cali, Columbia  
Emel: [instituto@ruhi.org](mailto:instituto@ruhi.org)  
Laman web: [www.ruhi.org](http://www.ruhi.org)

Institute for Action and Development  
P.O. Box 13978, 88846,  
Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel: +6088-716901  
Emel: [nsasabah@gmail.com](mailto:nsasabah@gmail.com)

## Kandungan

Beberapa Buah Fikiran bagi Tutor.....	vii
Memahami Tulisan-Tulisan Suci Bahá'í.....	1
Doa.....	17
Kehidupan dan Kematian.....	33



## Beberapa Buah Fikiran Bagi Tutor

*Renungan tentang Kehidupan Roh* ialah buku pertama dalam urutan kursus yang ditawarkan oleh Institut Ruhi. Bilangan tempat buku ini sedang dipelajari di sekitar dunia meningkat sejak bertahun-tahun. Biasanya, bahan ini dibaca dan dibincang oleh sekumpulan kawan, yang membentuk satu kumpulan belajar yang bertemu secara kerap. Mereka boleh datang bersama dalam kempen yang diaturkan untuk pembelajaran secara intensif, atau berkumpul dalam kem semasa cuti sekolah. Tidak kira keadaannya, seorang ahli dalam kumpulan itu bertindak sebagai tutor. Hubungan antara tutor dengan ahli-ahli peserta yang lain bukanlah seperti guru-kepada-murid; semua secara sedar terlibat dalam satu proses di mana setiap orang sedang berusaha untuk belajar. Tetapi tutor itu juga bukanlah seorang fasilitator perbincangan yang terasing dan pasif. Setelah menghabiskan beberapa kursus yang mencukupi dalam urutan dan menjalankan tindakan khidmat yang digalakkan dalam kursus, seseorang itu mempunyai kebolehan untuk membantu setiap ahli kumpulan untuk mencapai tujuan bahan yang dipelajari. Mereka yang bertindak sebagai tutor Buku 1 akan mendapatinya amat membantu untuk melihat kembali idea-idea yang disampaikan dalam pengenalan ini dari semasa ke semasa.

Ahli-ahli peserta di seluruh dunia yang menyertai kursus institut pertama ini datang daripada pelbagai latar belakang. Sesetengah daripada mereka merupakan ahli kepada komuniti Bahá'í yang ingin meningkatkan keupayaan untuk berkhidmat kepada Akidah yang dipeluk oleh mereka manakala yang lain melihat kursus ini sebagai permulaan kepada penyiasatan terhadap Akidah Bahá'í sebagai satu agama. Ada juga yang tertarik kepada ideal-ideal Bahá'í dan berhasrat untuk mengenali tujuan dan usaha komuniti tersebut. Dan terdapat semakin ramai orang muda, terutamanya mereka yang ingin memperkembangkan keupayaan untuk berkhidmat kepada masyarakat, seringkali melalui program yang diusahakan oleh komuniti Bahá'í, telah mengambil kursus ini sebagai langkah pertama.

Sejak permulaannya, setiap peserta harus jelas bahawa kursus-kursus Institut Ruhi melakarkan satu jalan khidmat kepada umat manusia. Setiap orang berjalan mengikut rentak sendiri, dengan membantu dan dibantu oleh orang lain. Berjalan di jalan ini membawa implikasi mengejar tujuan moral berkembar: untuk memenuhi pertumbuhan rohani dan intelek diri sendiri dan untuk menyumbang kepada transformasi masyarakat. Kemajuan di jalan tersebut melibatkan perkembangan beberapa kebolehupayaan yang memerlukan pemahaman dan ilmu pengetahuan, sifat rohani dan sikap yang terpuji, dan juga sejumlah besar kebolehan dan kemahiran. Ilmu pengetahuan yang digunakan dalam buku-buku Institut berasal daripada ajaran Akidah Bahá'í, dan juga daripada pengalaman komuniti Bahá'í di seluruh dunia dalam memajukan tamadun kebendaan dan rohani. Visi Bahá'u'lláh tentang individu yang kita boleh jadi dan tamadun yang kita boleh bina yang

memberi Institut inspirasinya. Adalah diandaikan bahawa semua peserta tidak mengira latar belakang, adalah terbuka untuk memeluk visi ini yang jelas dalam setiap unit setiap buku.

Fahaman dan ideologi dunia ini sanggup menggunakan apa jua cara untuk mendapatkan pengikutnya. Seseorang yang tidak mengenali Akidah mungkin ada soalan yang munasabah mengenai niat Institut Ruhi terutamanya, “Adakah saya diminta untuk menukar agama saya?” atau “Adakah saya diminta untuk menyertai satu agama?” Soalan-soalan seperti ini memberikan tutor satu peluang untuk menjelaskan tujuan urutan kursus seperti yang dinyatakan di atas. Walaupun adalah biasa orang Bahá’í ingin melihat kawan-kawan mereka menyertai komuniti Bahá’í, seorang tutor mungkin ingin menambah bahawa ajaran mereka sendiri melarang mereka daripada menukar agama orang lain (proselytization). Berjalan di jalan khidmat yang dibuka melalui kursus institut menuntut pemahaman yang semakin mendalam tentang ajaran-ajaran Bahá’u’lláh dan hal ini cuba dicapai melalui bahan-bahan kursus; hal penerimaan dan kepercayaan adalah perkara yang difikirkan oleh setiap individu secara bebas dan tanpa tekanan.

Maka tidak menghairankan, buku pertama ini bermula dengan persoalan pemahaman, yang sangat penting bagi semua buku dalam urutan. Membaca daripada Tulisan Suci tidak sama dengan membaca beribu-ribu halaman yang seseorang lihat sepanjang hayat, dan unit, “Memahami Tulisan Bahá’í”, bertujuan untuk memupuk kebiasaan membaca petikan daripada Teks Suci setiap hari dan merenungkan makna mereka, satu kebiasaan yang sangat membantu para peserta ketika mereka bermula berjalan di jalan khidmat. Untuk membimbing mereka dalam kajian unit ini, tutor harus memberikan banyak pertimbangan kepada subjek pemahaman.

Tulisan Bahá’í mengandungi kebenaran rohani yang mendalam, dan walaupun kita berusaha untuk melanjutkan pemahaman tentang makna mereka yang tak terbatas, kita tahu bahawa kita tidak akan dapat memahaminya dengan sepenuhnya. Biasanya kita memperoleh pemahaman asas tentang makna langsung suatu petikan ketika membacanya buat kali pertama, dan Bahagian 1 unit ini ialah titik permulaan ini. Oleh itu, setelah membaca petikan, “Kebaikan dunia dapat tercapai melalui perbuatan-perbuatan yang murni dan baik, melalui tingkah laku yang terpuji dan patut”, para peserta hanya ditanya, “Bagaimakah kebaikan dunia dapat tercapai?” Secara sepintas lalu, kebanyakan soalan dan latihan seperti ini kelihatan terlalu mudah. Tetapi pengalaman bertahun-tahun memberi kewajaran kepada keputusan Institut untuk bermula dengan cara ini. Kita semua perlu diingatkan bahawa semasa tergesa-gesa mencari lapisan kebenaran dalam suatu petikan, minda kita tidak harus terlepas pandang makna yang jelas tersurat. Perhatian kepada tahap pemahaman pertama ini juga terbukti penting untuk musyawarah kumpulan; ia mengukuhkan kesatuan fikiran, yang mudah tercapai apabila pendapat peribadi dibenarkan untuk diterangi oleh kebijaksanaan Ilahi.

Penting untuk diperhatikan di sini bahawa memahami makna langsung kebanyakan petikan tidak mendapat manfaat daripada perbincangan panjang mengenai sesuatu perkataan di luar konteks. Walaupun demikian, ia mungkin perlu, kadang-kadang,

untuk kumpulan mencari makna perkataan dalam kamus. Namun, yang mungkin lebih bermanfaat ialah para peserta belajar bagaimana menyimpulkan makna perkataan daripada keseluruhan ayat dan perenggan.

Untuk pemahaman menjangkau makna langsung, contoh yang menyampaikan idea secara konkret dapat membantu. Yang diperlukan dalam hal ini ialah latihan yang boleh dijawab secara terus terang. Di Bahagian 2, misalnya, peserta diminta untuk menentukan ciri-ciri yang terpuji, berdasarkan petikan yang baru dibaca. Dalam latihan serupa di Bahagian 4, mereka digalakkan untuk menyebut lima sifat rohani dan kemudian memutuskan adakah mungkin untuk memperoleh mana-mana sifat itu tanpa kebenaran, yang digambarkan dalam Tulisan sebagai “asas segala sifat baik manusia”.

Untuk mencapai tujuannya, unit ini menuntut kemajuan dalam pemahaman dengan mencabar peserta untuk memikirkan beberapa implikasi daripada petikan yang dikemukakan. Di Bahagian 2, mereka diminta untuk menentukan adakah pernyataan “Terdapat begitu sedikit orang yang baik di dunia ini sehingga tindakan-tindakan mereka tidak ada sebarang kesan” adalah benar. Di sini tidak bertujuan untuk mendapatkan pendapat semata-mata. Tutor mesti berhenti sejenak dan bertanya alasan kepada jawapan peserta. Bahawa pernyataan itu semestinya tidak benar kerana bertentangan dengan petikan pertama di bahagian sebelumnya adalah kesimpulan yang harus dicapai oleh kumpulan. Persoalan sama ada orang Bahá’í boleh mengaku dosa mereka kepada orang lain juga merupakan contoh latihan sebegini. Ini merujuk kepada larangan dalam ajaran terhadap pengakuan dosa sebagai cara untuk membebaskan diri daripada dosa. Ia tidak dinyatakan secara terus terang dalam mana-mana petikan yang dikaji tetapi boleh disimpulkan dengan menerokai makna ayat, “Perhitungkanlah dirimu setiap hari sebelum engkau dipanggil untuk memberi perkiraan.”

Tidak sama sekali latihan dalam unit ini cuba merangkumi semua makna yang terkandung dalam petikan yang dipertimbangkan. Satu soalan yang mesti difikirkan oleh setiap tutor adalah sejauh mana perbincangan harus didalami bagi setiap latihan. Di sini adalah penting untuk diingatkan bahawa memanjangkan perbincangan dengan memperkenalkan banyak konsep yang berkaitan tetapi tidak berkenaan dengan pokok perbincangan mungkin mengurangkan keberkesanan bahan. Setiap kumpulan perlu ada rentak kemajuan yang wajar; para peserta harus berasa bahawa mereka sedang maju secara berterusan mengikut kemungkinan mereka sendiri. Walau bagaimanapun, tutor mesti sentiasa prihatin, agar setiap bahagian tidak dibuat dengan cepat dan sepantas lalu tanpa analisis latihan yang teliti. Kumpulan yang telah maju dengan cara ini, hanya dengan mengisi jawapan, tidak pernah mencapai hasil yang berkekalan.

Satu perkara terakhir perlu disebutkan: Ia bergantung kepada tutor untuk memastikan bahawa setiap ahli kumpulan kekal terlibat dalam proses pembelajaran yang digalakkan oleh bahan ini. Mendapatkan penyertaan tanpa memberi tekanan kepada mana-mana individu untuk bercakap sering kali menjadi cabaran. Yang harus disedari sejak awal adalah bahawa cabaran ini jarang berjaya dihadapi dengan mengajukan pertanyaan seperti, “Apakah maksud ini kepada anda?” Soalan seperti ini cenderung mengurangkan

pengetahuan dan kebenaran ke tahap pendapat. Maka ia terbukti sukar untuk mewujudkan suasana musyawarah antara ahli-ahli kumpulan yang benar-benar membawa kepada peningkatan pemahaman.

Unit kedua dalam buku ini, seperti unit pertama, adalah berkenaan dengan kebiasaan penting bagi kehidupan rohani, iaitu berdoa secara kerap. Ia menjelaskan konsep “jalan khidmat” di bahagian pembukaan, yang mencadangkan bahawa untuk mengikuti jalan ini, kita harus dijiwai dengan dua tujuan berkembar. Peserta mengkaji sekumpulan petikan awal yang memberikan gambaran mengenai sifat tujuan ini, iaitu tema yang akan dihuraikan dalam kursus-kursus yang akan datang.

Berdasarkan tema ini, unit kedua ini akan menerokai kepentingan doa. Ia menggunakan pendekatan yang serupa yang dijelaskan dalam perenggan sebelumnya. Soalan dan latihan dibina untuk memajukan pemahaman tentang makna petikan daripada Tulisan yang dikaji. Semasa kumpulan maju dari unit ke unit, tutor mungkin perlu menghilangkan keraguan dengan menganalisis tanggapan yang berakar daripada tafsiran dan amalan zaman dahulu. Dalam beberapa tradisi, upacara dan bentuk luaran secara beransur-ansur membayangi kepentingan keadaan batin. Begitu banyak antaranya yang mengabaikan keperluan doa, yang bagi roh manusia adalah tidak kurang pentingnya daripada makanan yang memberi khasiat kepada tubuh badan.

Terpenting sekali, unit ini bertujuan untuk menimbulkan keinginan para peserta untuk “berbual dengan Tuhan” dan mendekati-Nya. Antara idea yang dikemukakan ialah apakah ertinya untuk memasuki keadaan berdoa, keadaan hati dan fikiran kita pada masa itu, dan keadaan yang harus diciptakan di persekitaran kita, sama ada kita bersendirian atau dalam perjumpaan. Sesungguhnya, setelah memikirkan kuasa-kuasa yang berhasil melalui ibadat bersama, para peserta diminta membuat pertimbangan untuk menganjurkan perhimpunan doa dan ibadat.

Pengajian unit ketiga buku ini, “Kehidupan dan Kematian”, diharapkan akan mengukuhkan komitmen untuk berjalan di jalan khidmat dan memenuhi jalan itu dengan makna yang lebih mendalam. Khidmat di dunia ini paling mudah difahami dalam konteks penuh kehidupan, yang menjangkaui kewujudan duniawi kita dan berterusan selamanya ketika roh kita maju di semua dunia Tuhan. Dalam suatu proses pendidikan, berbeza daripada latihan teknikal, para peserta harus semakin sedar akan makna dan kepentingan apa yang mereka lakukan. Pengalaman menunjukkan bahawa hanya jika kesedaran seperti itu berkembang, barulah mereka akan melihat diri sendiri sebagai “pemilik” yang aktif dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka.

Setiap bahagian unit ini bermula dengan satu hingga tiga petikan daripada Tulisan Bahá’í, diikuti dengan beberapa latihan. Bahasa yang digunakan dalam petikan unit ini lebih sukar berbanding dengan yang sebelumnya. Sudah tentu, tidak ada perlunya bagi kumpulan untuk merenung lama pada perkataan-perkataan yang sukar; tutor akan memastikan bahawa setiap orang memahami idea utama yang dikemukakan dalam setiap bahagian, yang tepat sekali cuba disampaikan melalui latihan.

Kerana sifat subjek ini, latihan yang melibatkan contoh-contoh konkrit adalah sangat sedikit. Sebilangan besar adalah pada tahap konsepsi. Apa yang harus diperhatikan adalah bahawa beberapa soalan yang diajukan dalam latihan tidak dapat dijawab dengan cepat atau dengan cara yang jelas. Soalan-soalan ini diperkenalkan untuk meningkatkan kesedaran mengenai subjek. Sekiranya peserta hanya memikirkan soalan seperti itu, objektif pembelajaran sudahpun tercapai.

Beberapa bahagian pertama memberi tumpuan kepada hubungan antara roh dengan badan, yang bersama-sama membentuk manusia di alam kewujudan ini. Idea utama yang dikemukakan dalam bahagian ini adalah bahawa roh bukanlah entiti fizikal; hubungannya dengan badan dapat disamakan dengan cahaya yang kelihatan pada cermin. Debu yang menutup permukaan cermin dan juga kerosakan cermin tidak dapat mempengaruhi kecemerlangan cahaya itu sendiri. Kematian hanyalah perubahan keadaan semasa hubungan antara badan dengan roh terputus. Selepas itu, roh maju selamanya menuju kepada Penciptanya.

Unit ini kemudian berpaling kepada persoalan tentang tujuan kehidupan, iaitu untuk mengenal Tuhan dan mencapai hadirat-Nya. Perbincangan di sini berpusat pada dua tema yang luas. Yang pertama ialah tujuan kehidupan kita di dunia ini, dan yang kedua ialah perjalanan roh selepas mati. Roh adalah tanda Tuhan dan dapat memantulkan semua nama dan sifat-Nya. Namun potensi dalam diri manusia adalah terpendam; ia hanya dapat dikembangkan dengan bantuan Manifestasi Tuhan, iaitu Makhluk suci yang datang dari semasa ke semasa untuk membimbing umat manusia. Melalui pendidikan rohani yang diberikan oleh Mereka, khazanah yang tersembunyi dalam diri kita dapat didedahkan.

Mengenai perjalanan roh selepas mati, serangkaian idea disusun untuk renungan para peserta. Bahawa mereka yang setia kepada Tuhan akan mencapai kebahagiaan sejati, bahawa tiada sesiapapun yang tahu ajal sendiri, maka kita harus saling memaafi dan tidak berasa lebih tinggi daripada yang lain, bahawa di dunia seterusnya, seperti di dunia ini, roh akan terus maju dan fakulti rohani yang kita kembangkan di sini akan membantu dan menolong kita di sana, bahawa kita akan mengenali orang yang kita sayangi di alam-alam seterusnya, bahawa kita akan mengingati kehidupan kita di dunia ini, dan akan menikmati persahabatan dengan roh-roh yang kudus dan suci.

Unit ini diakhiri dengan petikan daripada Tulisan Bahá'u'lláh yang memberi jaminan kepada kita manfaat dunia seterusnya dan didesak untuk tidak membiarkan perubahan dan kesempatan kehidupan ini membawa kita kesedihan. Peserta diminta untuk merenungkan implikasi apa yang telah dipelajari dalam kehidupan mereka sendiri.





# Memahami Tulisan Suci Bahá'í

## Tujuan

Menguatkan tabiat membaca petikan  
daripada Tulisan Suci setiap hari  
dan merenungkan maknanya



## **BAHAGIAN 1**

Tujuan unit ini adalah untuk membantu anda mengembangkan dan memperkuatkan kebiasaan membaca petikan daripada Tulisan Suci setiap hari dan merenungkan maknanya. Unit ini bermula dengan latihan mudah yang meminta anda untuk membaca pernyataan satu ayat daripada Tulisan Suci dan menjawab soalan, yang jawapannya adalah pernyataan itu sendiri. Walaupun mudah, latihan ini akan membantu anda untuk merenungkan makna pernyataan dan menghafalnya.

**“Kebaikan dunia dapat tercapai melalui perbuatan-perbuatan yang murni dan baik, melalui tingkah laku yang terpuji dan patut.”<sup>1</sup>**

1. Bagaimakah kebaikan dunia dapat tercapai? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**“Berhati-hatilah! Wahai umat Bahá, jangan sampai engkau melangkah di jalan-jalan mereka yang kata-katanya berlainan dengan perbuatan-perbuatan mereka.”<sup>2</sup>**

2. Di jalan-jalan siapakah kita tidak harus melangkah? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**“Wahai Putera Wujud! Perhitungkanlah dirimu setiap hari sebelum engkau dipanggil untuk memberi perkiraan . . .”<sup>3</sup>**

3. Apakah yang harus kita lakukan sebelum kita dipanggil untuk memberi perkiraan? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**“Katakanlah: Wahai saudara! Biarlah perlakuan, bukan kata-kata yang menjadi perhiasanmu.”<sup>4</sup>**

4. Apakah yang harus menjadi perhiasan sejati bagi kita? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**“Kata-kata suci dan perbuatan-perbuatan murni dan baik naik ke langit kemuliaan syurgawi.”<sup>5</sup>**

5. Apakah yang berlaku ke atas kata-kata suci dan perbuatan-perbuatan murni dan baik? \_\_\_\_\_

---

---

## BAHAGIAN 2

Berikut adalah sebilangan latihan yang berkaitan dengan petikan yang baru anda baca. Ini bertujuan untuk membantu anda merenungkan lebih mendalam lagi mengenai makna petikan dalam kumpulan anda dan tidak harus dilakukan secara mekanis. Ini tidak bermaksud bahawa setiap latihan memerlukan banyak perbincangan. Walau bagaimanapun, jika latihan adalah mencabar, tutor kumpulan anda akan membantu anda menerokainya secara menyeluruh.

1. Apabila sesuatu adalah “terpuji”, ia layak dipuji.. Yang manakah di antara yang berikut terpuji?

- \_\_\_\_\_ Menjadi pekerja yang baik
- \_\_\_\_\_ Menghormati orang lain
- \_\_\_\_\_ Rajin belajar
- \_\_\_\_\_ Berbohong
- \_\_\_\_\_ Malas
- \_\_\_\_\_ Berkhidmat kepada orang lain

2. Apakah maksud frasa “sebelum engkau dipanggil untuk memberi perkiraan”? \_\_\_\_\_

---

---

3. Pernyataan manakah yang berikut adalah benar?

- \_\_\_\_\_ Terdapat begitu sedikit orang yang baik di dunia ini sehingga tindakan-tindakan mereka tidak ada sebarang kesan.
- \_\_\_\_\_ Sesuatu itu betul jika sesuai dengan pendapat orang lain.
- \_\_\_\_\_ Sesuatu itu betul jika sesuai dengan ajaran-ajaran Tuhan.

4. Manakah yang berikut adalah perbuatan-perbuatan yang suci dan baik?

- Menjaga dan mengajar kanak-kanak.
- Mencuri.
- Berdoa untuk perkembangan orang lain.
- Berbohong sedikit untuk melepaskan diri daripada masalah.
- Menolong orang dengan mengharapkan ganjaran.

5. Dalam situasi yang berikut, yang manakah kata-kata orang itu berbeza daripada perbuatannya?

- Seseorang asyik menyebut bahawa kita semua harus bersatu tetapi berkelakuan dalam cara yang menimbulkan konflik.
- Seseorang memuji nilai kehidupan suci tetapi mempunyai hubungan seksual di luar perkahwinan.
- Seseorang minum alkohol sekali-sekala, sambil mengaku mengikuti kepercayaan agama yang melarang minum arak.
- Seseorang menyokong kesamarataan lelaki dan wanita tetapi, sebagai majikan, membayar wanita lebih rendah daripada lelaki untuk pekerjaan yang sama.

6. Adakah diizinkan bagi seorang Bahá'í untuk mengaku dosa kepada orang lain?

---

7. Daripada mengaku dosa, apakah yang harus dilakukan oleh orang itu? \_\_\_\_\_

---

8. Apakah yang dimaksudkan dengan “langit kemuliaan syurgawi”? \_\_\_\_\_

---

9. Apakah kesan perbuatan buruk ke atas dunia? \_\_\_\_\_

---

10. Apakah kesan perbuatan buruk ke atas mereka yang melakukannya? \_\_\_\_\_

---

---

### BAHAGIAN 3

Sekarang baca dan renungkan petikan berikut daripada Tulisan Suci. Kemudian cuba menghafalnya.

**“Kebenaran asas segala sifat baik manusia.”<sup>6</sup>**

1. Apakah asas segala sifat baik manusia? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**“Tanpa kebenaran, kemajuan dan kejayaan, dalam semua alam Tuhan, tidaklah mungkin bagi sebarang roh.”<sup>7</sup>**

2. Tanpa kebenaran apakah yang menjadi mustahil sekali? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**“Indahkanlah lidah-lidahmu, Wahai manusia, dengan sifat kebenaran, dan hiasilah rohmu dengan perhiasan kejujuran.”<sup>8</sup>**

3. Dengan apa kita harus menghiasi lidah kita? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. Dengan apa kita harus menghiasi roh kita? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**“Biarlah matamu suci, tanganmu setia, lidahmu benar, dan hatimu cemerlang.”<sup>9</sup>**

5. Bagaimanakah seharusnya mata kita? \_\_\_\_\_ Tangan kita? \_\_\_\_\_  
Lidah kita? \_\_\_\_\_ Hati kita? \_\_\_\_\_

**“Mereka yang tinggal di dalam khemah Tuhan, dan ditetapkan pada takhta kemuliaan Abadi, akan enggan, walaupun dalam keadaan mati kelaparan, untuk memanjangkan tangan mereka dan merampas harta milik jirannya, betapapun terhina dan tak berguna orang itu.”<sup>10</sup>**

6. Apakah yang harus kita tidak lakukan walaupun sedang mati kelaparan? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## **BAHAGIAN 4**

Seperti yang anda perhatikan di Bahagian 2, beberapa latihan dalam unit ini memerlukan jawapan yang muktamad. Dalam kes seperti itu, jika terdapat keraguan mengenai jawapannya, tutor kumpulan anda akan dapat membantu anda dan rakan-rakan

anda untuk mencapai kesatuan fikiran. Bagi latihan yang lain, perbincangan itu sendiri adalah sangat berharga, dan tidak ada jawapan khusus yang diharapkan. Di bawah ini, latihan 3 adalah jenis yang pertama, sementara latihan 6 tergolong dalam kategori kedua.

1. Kebenaran atas segala sifat baik manusia. Senaraikan lima sifat baik. \_\_\_\_\_

---

---

2. Bolehkah kita memperolehi sifat-sifat baik ini tanpa kebenaran? \_\_\_\_\_

3. Pernyataan manakah yang berikut adalah benar?

- Seseorang boleh menjadi adil meskipun dia berbohong.
- Seseorang yang mencuri mempunyai tangan yang setia.
- Tangan yang setia tidak akan menyentuh apa saja yang bukan hak miliknya.
- Melihat bahan lucah adalah bertentangan dengan nasihat Bahá'u'lláh berhubung dengan mata yang suci.
- Kebenaran bermaksud tidak berbohong.
- Kejujuran ialah perhiasan roh.
- Seseorang yang tidak bercakap benar dapat berkembang secara rohani.
- Tidak menjadi masalah jika sekali-sekala bercakap bohong.
- Mencuri dapat diterima oleh Tuhan jika orang itu lapar.
- Mengambil sesuatu tanpa keizinan pemiliknya, dengan niat untuk mengembalikannya kemudian bukanlah mencuri.
- Jika kita bersikap jujur, adil dan benar maka hati kita akan cemerlang.
- Tidak mungkin perniagaan berjaya tanpa menipu sedikit pun.

4. Adakah mungkin seseorang membohongi dirinya sendiri? \_\_\_\_\_

---

---

---

5. Apa kita kehilangan jika kita berbohong? \_\_\_\_\_

6. Dunia ini akan menjadi seperti apakah jika kita semua bercakap benar dan bersikap jujur? \_\_\_\_\_

## BAHAGIAN 5

Bacalah petikan-petikan yang berikut dan cuba menghafalnya. Menghafal petikan daripada Tulisan Suci adalah amat memuaskanbermanfaat dan anda harus berusaha sedaya upaya untuk melakukannya. Namun, sudah tentunya bukan semua orang dapat menghafal petikan dengan mudah. Akan tetapi, meletakkan usaha untuk menghafal membantu kita tanamkan mengingat idea-idea ini di hati dan fikiran kita dan mengungkapkannya dalam kata-kata yang sedekat mungkin dengan teks asalnya.

**“Lidah yang lembut adalah batu lod bagi kalbu-kalbu manusia. Ia adalah roti bagi roh, ia menghiasi kata-kata dengan erti, ia adalah sumber cahaya kearifan dan pengertian.”<sup>11</sup>**

1. Bagaimanakah lidah yang lembut diuraikan? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

2. Apakah pengaruh lidah yang lembut terhadap kata-kata? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**“Wahai engkau kekasih Tuhan! Dalam Dispensasi yang suci ini, persengketaan dan perbalahan tidak dibenarkan sama sekali. Setiap pemberang menafikan dirinya sendiri rahmat Tuhan.”<sup>12</sup>**

3. Mengikut petikan ini apakah yang tidak dibenarkan dalam Dispensasi ini? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. Apakah yang berlaku ke atas diri si pemberang? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**“Tidak ada apapun yang dapat, pada Hari ini, mengakibatkan kerugian yang lebih besar terhadap Agama ini, selain daripada perpecahan dan perselisihan, pertengkarann, kerenggangan dan ketidakpedulian, antara para kekasih Tuhan.”<sup>13</sup>**

5. Apakah keadaan yang akan mengakibatkan kerugian yang terbesar kepada Agama Tuhan? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**“Janganlah berasa puas dengan menunjukkan persahabatan dengan kata-kata sahaja, biarlah hatimu menyala dengan penuh kasih sayang kepada setiap orang yang melintas di jalanmu.”<sup>14</sup>**

6. Apakah jenis persahabatan yang tidak harus memuaskan kita? \_\_\_\_\_

---

7. Apakah yang seharusnya menyala di dalam hati kita? \_\_\_\_\_

---

**“Jika timbul fikiran untuk berperang, lawanlah fikiran itu dengan fikiran perdamaian yang lebih kuat. Suatu fikiran benci harus dimusnahkan dengan fikiran cinta yang lebih kuat.”<sup>15</sup>**

8. Fikiran perang harus dilawan dengan apa? \_\_\_\_\_

---

9. Perasaan benci harus dimusnahkan dengan apa? \_\_\_\_\_

---

## BAHAGIAN 6

Dengan mengingati petikan-petikan di atas, lengkapkan latihan yang berikut:

1. “Batu lod” adalah perkataan yang lain bagi magnet. Bagaimanakah lidah yang lemah lembut bertindak seperti sebagai magnet? \_\_\_\_\_

2. Tentukan sama ada frasa-frasa yang berikut disebutkan oleh lidah yang lembut:

\_\_\_\_\_ “Jangan ganggu saya!”

\_\_\_\_\_ “Mengapakah kamu tidak dapat memahami perkara ini?”

\_\_\_\_\_ “Bolehkah anda tunggu sebentar?”

\_\_\_\_\_ “Teruknya kanak-kanak ini!”

\_\_\_\_\_ “Terima kasih, anda sungguh baik hati.”

\_\_\_\_\_ “Saya tidak ada masa sekarang untuk layan kamu. Saya sibuk.”

3. Dalam situasi-situasi yang berikut, yang manakah wujud pertengkaran dan konflik?

\_\_\_\_\_ Dua orang menyampaikan pendapat yang berbeza pada topik yang sama semasa bermusyawarah.

\_\_\_\_\_ Dua orang menjadi marah dan berbalah berdebat dengan satu sama lain semasa bermusyawarah.

- \_\_\_\_\_ Dua orang tidak menghadiri perjumpaan doa mingguan kerana mereka tidak bercakap dengan satu sama lain.
  - \_\_\_\_\_ Ahli-ahli pasukan yang bekerjasama untuk satu projek asyik mengeluh, masing-masing mengatakan bahawa yang lain tidak menjalankan tugas mereka.
4. Dalam situasi-situasi yang berikut, yang manakah menunjukkan kerenggangan?
- \_\_\_\_\_ Dua rakan terserempak satu sama lain tetapi tidak peduli untuk bertegur sapa.
  - \_\_\_\_\_ Seseorang tiba di perjumpaan doa dan semua orang menyambutnya dengan mesra.
  - \_\_\_\_\_ Walaupun mereka bersopan dengan satu sama lain, dua ahli dalam kumpulan tidak ingin menyertai dalam projek bersama-sama.
5. Tentukan sama ada ayat-ayat yang berikut adalah benar:
- \_\_\_\_\_ Seseorang harus menyuarakan apa saja yang dia fikirkan mengenai secara tepat tentang perkara yang dia fikirkan terhadap orang lain, tanpa mengira jika hati orang lain mereka tdi terlukai.
  - \_\_\_\_\_ Kita boleh berbohong dengan tujuan menghindari konflik.
  - \_\_\_\_\_ Konflik dapat diatasi dengan kasih sayang dan kebaikan hati.
  - \_\_\_\_\_ Kata-kata akan menjadi lebih berkesan apabila diucapkan dengan perasaan kasih sayang.
  - \_\_\_\_\_ Adalah dibenarkan berlawan dengan seseorang sekiranya orang itu memulakannya.
  - \_\_\_\_\_ Seseorang yang sakit dan sedih berhak untuk mengeluarkan kata-kata yang tajam terhadap orang lain. apabila dia sakit atau sedih.
  - \_\_\_\_\_ Tidak baik untuk mengetawakan orang lain apabila orang itu melakukan kesalahan.
  - \_\_\_\_\_ Apabila perasaan renggang benci wujud timbul antara rakan-rakan, setiap pihak kedua-duanya harus berusaha sedaya-upayakuat untuk mengeratkan hubungan menjadi rapat antara satu sama lain.
  - \_\_\_\_\_ Apabila perasaan benci timbul antara rakan-rakan, setiap pihak kedua-duanya harus menunggu sehingga yang lain berusaha dahulu untuk menjadi rapat.

## **BAHAGIAN 7**

Bacalah petikan-petikan di bawah dan menghafalnya:

**“... mengumpat memadamkan cahaya hati dan mematikan kehidupan roh.”<sup>16</sup>**

**“Janganlah menyebut dosa-dosa orang lain selagi engkau sendiri seorang yang berdosa.”<sup>17</sup>**

**“Janganlah berbicara hal-hal yang buruk, agar engkau tidak mendengar hal itu dikatakan kepadamu, dan janganlah memperbesar kesalahan-kesalahan orang lain agar kesalahanmu sendiri tidak kelihatan besar ...”<sup>18</sup>**

**“Wahai Putera Wujud! Bagaimana kamu dapat melupakan kesalahan-kesalahanmu sendiri dan menyibukkan diri dengan kesalahan-kesalahan orang lain?”<sup>19</sup>**

1. Apakah kesan mengumpat terhadap orang yang mengumpat? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Apakah yang harus kita fikirkan sedar sebelum menyebut memikirkan dosa-dosa orang lain? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Apakah akan terjadi kepada diri kita sekiranya kita memperbesar kesalahan-kesalahan orang lain? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. Apakah yang kita harus ingat apabila kita mula memikirkan kesalahan orang lain?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## **BAHAGIAN 8**

Dengan mengingati petikan-petikan di atas, lengkapkan latihan yang berikut:

1. Apakah yang terjadi kepada perkembangan rohani seseorang yang menumpukan perhatian pada kesalahan orang lain? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Apakah kesan mengumpat ke atas suatu komuniti? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

3. Apakah anda akan lakukan jika seorang rakan mula bercakap tentang kesalahan orang lain? \_\_\_\_\_
- 
4. Tentukan sama ada pernyataan-pernyataan yang berikut adalah benar atau tidak:
- \_\_\_\_\_ Apabila Jika kita bercakap tentang kesalahan yang memang dilakukan oleh orang lain, hal itu tidak dikira sebagai mengumpat.
  - \_\_\_\_\_ Apabila Jika kita menyebut sifat-sifat baik seseorang serta kesalahan-kesalahannya pada masa yang sama, hal itu tidak dikira sebagai mengumpat.
  - \_\_\_\_\_ Mengumpat telah menjadi amalan dalam masyarakat kita dan kita harus berusaha membangunkan disiplin untuk menghindarinya.
  - \_\_\_\_\_ Sekiranya si pendengar berjanji untuk tidak menyebut kepada orang lain apa yang kita katakan di belakang seseorang, maka tidak ada buruknya kita mengumpat.
  - \_\_\_\_\_ Mengumpat merupakan salah satu musuh terbesar bagi perpaduan.
  - \_\_\_\_\_ Tindakan mengumpat dengan senangnya boleh terjadi jika kita memperolehi tabiat selalu bercakap tentang orang lain.
  - \_\_\_\_\_ Apabila keupayaan orang yang berbeza dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Rohani Tempatan untuk menamakan ahli-ahli jawatankuasa, hal ini dikira sebagai mengumpat.
  - \_\_\_\_\_ Jika kita hendak mengumpat, kita harus mengingati dosa-dosa kita sendiri.
  - \_\_\_\_\_ Apabila kita mengetahui bahawa perbuatan seseorang membawa bahaya kepada Akidah, maka kita harus membincang tentangnya dengan semua ahli komuniti.
  - \_\_\_\_\_ Apabila kita mengetahui bahawa perbuatan seseorang membawa bahaya kepada Akidah, maka kita harus memaklumkan kepada Majlis Rohani Tempatan sahaja.
  - \_\_\_\_\_ Tidak salah bagi pasangan suami isteri untuk berbincang tentang kesalahan orang lain kerana mereka seharusnya tidak ada rahsia antara satu sama lain.

## BAHAGIAN 9

Tujuan unit ini, seperti yang disebutkan pada mulanya, adalah untuk membantu para peserta dalam usaha mereka mengembangkan dan memperkuat tabiat membaca petikan daripada Tulisan Suci setiap hari dan merenungkan maknanya. Membaca ayat-ayat Tuhan setiap pagi dan petang adalah ajaran Bahá'u'lláh yang membantu dalam perkembangan rohani kita. Petikan berikut mengingatkan kita akan kurnia yang kita terima daripada memenuhi kewajipan ini, dan anda digalakkan untuk menghafalnya:

**“Benamkan dirimu dalam samudera kata-kataKu, agar engkau dapat mengungkap rahsianya, dan menemukan semua mutiara kebijaksanaan yang tersembunyi di kedalamannya.”<sup>20</sup>**

Setelah melengkapkan unit ini, anda mungkin ingin mendapatkan buku yang mengandungi Tulisan-tulisan Bahá'u'lláh dan membacanya setiap hari. Kalimat-Kalimat Tersembunyi ialah pilihan pertama yang baik.

## RUJUKAN

1. Bahá'u'lláh, disebutkan dalam *Kemunculan Keadilan Ilahi*, oleh Shoghi Effendi, (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, cetakan 2006, 2018).
2. *Himpunan daripada Tulisan-Tulisan Bahá'u'lláh* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, 1983, 2017 printing), CXXXIX.
3. Bahá'u'lláh, *Kalimat-Kalimat Tersembunyi* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, cetakan 1983, 2017), Bahasa Arab, No. 31.
4. Ibid., Bahasa Parsi, no. 5.
5. Ibid., Bahasa Parsi, no, 69.
6. 'Abdu'l-Bahá, disebutkan dalam *Kemunculan Keadilan Ilahi*, oleh Shoghi Effendi.
7. Ibid.
8. *Himpunan daripada Tulisan-Tulisan Bahá'u'lláh*, CXXXVI.
9. *Loh-Loh Bahá'u'lláh Yang diwahyukan selepas Kitáb-i-Aqdas* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, cetakan 1988, 2005), no. 9.5.
10. *Himpunan daripada Tulisan-Tulisan Bahá'u'lláh*, CXXXVII.
11. Ibid., CXXXII.
12. *Wasiat dan Testamen 'Abdu'l-Bahá*. (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, cetakan 1944, 2013).
13. Himpunan daripada Tulisan-Tulisan Bahá'u'lláh, V.
14. Daripada suatu ceramah pada 16 dan 17 October 1911, diterbit di *Ceraman-ceramah Paris: Ucapan-ucapan yang diberikan oleh 'Abdu'l-Bahá di Paris pada tahun 1911* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, cetakan 2006, 2016), no. 1.7.
15. Daripada suatu ceramah 'Abdu'l-Bahá pada 21 October 1911, ibid., no. 6.7.
16. *Himpunan daripada Tulisan-Tulisan Bahá'u'lláh*, CXXV.
17. *Kalimat-Kalimat Tersembunyi*, Bahasa Arab, no. 27.
18. Ibid., Bahasa Parsi, no. 44.

19. Ibid., Bahasa Arab, no. 26.
20. *Himpunan daripada Tulisan-Tulisan Bahá'u'lláh*, LXX.





# Doa

# Tujuan

Merenungkan kepentingan doa dan  
menguatkan tabiat berdoa secara kerap



## **BAHAGIAN 1**

Kursus-kursus Institut Ruhi bertujuan untuk membantu para peserta berjalan di jalan khidmat. Kita berjalan di jalan ini didorong oleh rasa tujuan berkembar, iaitu untuk berkembang secara rohani dan intelektual dan menyumbang kepada transformasi masyarakat. Dua aspek tujuan kita ini tidak dapat dipisahkan daripada satu sama lain. Bahá'u'lláh menasihati kita dalam satu petikan:

**“Janganlah sibuk dengan urusanmu sendiri; biarlah fikiranmu tertumpu pada apa yang akan memulihkan nasib manusia dan menyucikan hati dan jiwa manusia.”<sup>1</sup>**

Dalam petikan lain, Baginda menjelaskan:

**“. . . tujuan manusia fana, dari ketidakwujudan mutlak melangkah ke alam kewujudan, adalah agar mereka dapat bekerja untuk kemajuan dunia dan hidup bersama dalam keserasian dan keharmonian.”<sup>2</sup>**

Mengenai keadaan dalaman kita, Baginda bersabda:

**“Hati yang suci bagaikan cermin; bersihkannya dengan penuh cinta dan terpisah dari semua kecuali Tuhan, agar suria benar dapat bersinar di dalamnya dan fajar pagi yang abadi menyingsing.”<sup>3</sup>**

Dan ‘Abdu’l-Bahá memberitahu kita:

**“Hatimu hendaklah suci dan niatmu tulus agar engkau dapat menjadi penerima kurniaan ilahi.”<sup>4</sup>**

1. Apa yang harus menjadi fokus fikiran dan kebimbangan kita? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Untuk tujuan apakah kita melangkah dari ketidakwujudan mutlak ke dalam dunia kewujudan? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Dengan apakah yang harus kita membersihkan cermin hati kita? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. Apakah beberapa syarat yang menarik kurniaan ilahi? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

5. Adakah mana-mana yang berikut ini benar?

- Anda harus menjaga diri sendiri terdahulu, dan kemudian anda boleh menjaga orang lain.
- Sekiranya anda selalu menolong orang lain, anda akhirnya akan kehilangan tujuan anda sendiri.
- Anda adalah rakan terdekat anda.
- Yang paling penting adalah mencari apa yang membuat anda bahagia.
- Kejarlah impian anda, dan itu akan membawa anda menuju kebahagiaan.
- Selagi anda tidak menyakiti orang lain, anda boleh lakukan apa-apa sahaja.
- Tidak mengapa motif anda mementingkan diri sendiri, selagi anda melakukan sesuatu yang baik.

## BAHAGIAN 2

Keyakinan yang berpusat pada tujuan berkembar adalah bahawa kita semua telah diciptakan mulia. Bahá'u'lláh bersabda:

**“Wahai Putera Roh! Aku menciptakan engkau kaya, mengapakah engkau mempermiskin dirimu? Aku telah menjadikan engkau mulia, mengapakah engkau merendahkan dirimu? Dengan hakikat ilmu, Aku memberi wujud kepadamu, mengapakah engkau mencari keterangan daripada orang selain daripada-Ku? Dengan tanah liat kasih, Aku membentuk engkau, mengapakah engkau sibuk dengan yang lain? Arahkan pandanganmu kepada dirimu sendiri, agar engkau dapat menemukan Daku dalam dirimu, dengan kuat, berkuasa dan berdiri sendiri.”<sup>5</sup>**

Mengisi tempat kosong di bawah akan membantu anda merenungkan petikan ini.

“Wahai Putera Roh! Aku menciptakan engkau \_\_\_\_\_, mengapakah engkau \_\_\_\_\_ dirimu? Aku telah \_\_\_\_\_ engkau \_\_\_\_\_, mengapakah engkau \_\_\_\_\_ dirimu? Dengan \_\_\_\_\_, Aku memberi wujud kepadamu, mengapakah engkau \_\_\_\_\_ daripada orang selain daripada \_\_\_\_\_? Dengan tanah liat \_\_\_\_\_, Aku \_\_\_\_\_ engkau, mengapakah engkau \_\_\_\_\_ dengan \_\_\_\_\_? Arahkan \_\_\_\_\_ kepada \_\_\_\_\_, agar engkau dapat menemukan \_\_\_\_\_ dalam dirimu, dengan \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.”

Untuk mencapai kemuliaan roh kita yang sebenar, kita harus berpaling kepada Sumber kewujudan kita dan mencari hikmah daripada-Nya. Salah satu cara yang paling menarik untuk mencapainya adalah dengan berdoa. Shoghi Effendi, Wali Akidah, memberitahu kita bahawa tujuan utama berdoa ialah “perkembangan individu dan masyarakat melalui pemerolehan sifat dan kuasa rohani. Pertama sekali, roh manusia harus diberi makan. Dan doa dapat memberikan khasiat rohani yang terbaik ini.”<sup>6</sup>

## BAHAGIAN 3

Tuhan adalah Yang Maha Mengetahui, Yang Maha Arif. Dia telah menciptakan kita dan tahu isi hati kita serta apa yang terbaik untuk kita. Dia tidak memerlukan doa kita. Jika demikian, mengapa kita berdoa?

‘Abdu’l-Bahá berkata:

**“Dalam doa yang paling tinggi, manusia berdoa hanya demi cinta kepada Tuhan, bukan kerana mereka takut kepada Tuhan atau neraka, atau mengharapkan kurnia atau syurga.... Sewaktu seseorang jatuh cinta kepada orang lain, mustahil baginya untuk menahan diri daripada menyebut nama kekasihnya. Alangkah lebih sukar lagi untuk menahan diri daripada menyebut Nama Tuhan apabila seseorang telah mencintai-Nya.... Orang yang rohani tidak akan menemui kesenangan dalam apa pun kecuali dalam memperingati Tuhan.”<sup>7</sup>**

Dan, semasa membalas satu pertanyaan, Beliau menjelaskan:

**“Jika seorang teman mencintai orang lain, bukankah dia ingin meluahkan cintanya? Walaupun dia mengetahui bahawa temannya itu menyedari cintanya, tidakkah dia masih ingin meluahkan cinta ini kepadanya? ... Memang benar bahawa Tuhan mengetahui keinginan semua kalbu tetapi gerak hati untuk berdoa adalah semula jadi yang berpunca daripada cinta manusia kepada Tuhan.”<sup>8</sup>**

1. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut:

- a. Dalam doa \_\_\_\_\_, kita \_\_\_\_\_ hanya demi \_\_\_\_\_ kepada Tuhan, bukan kerana kita takut kepada Tuhan atau \_\_\_\_\_, atau mengharapkan \_\_\_\_\_ atau \_\_\_\_\_.
- b. Sewaktu kita jatuh \_\_\_\_\_ kepada orang lain, adalah \_\_\_\_\_ bagi kita untuk menahan diri daripada menyebut \_\_\_\_\_ kita. Alangkah lebih \_\_\_\_\_ lagi untuk menahan diri daripada \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ Nama \_\_\_\_\_ apabila seseorang itu telah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ Dia.

- c. Seseorang yang rohani tidak akan menemui \_\_\_\_\_ dalam apa pun kecuali dalam \_\_\_\_\_ dengan Tuhan.
2. Mengapa kita berdoa? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa “memperingati Tuhan”? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. Apakah hasrat terdalam seseorang yang mencintai seseorang yang lain? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
5. Dari mana gerak hati untuk berdoa berpunca? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## BAHAGIAN 4

Dalam satu doa yang diwahyuhkan oleh Bahá'u'lláh, kita membaca:

**“Aku memohon kepada-Mu ... untuk menjadikan doaku api yang akan membakar segala tabir yang telah menutupi daku daripada keindahan-Mu, dan cahaya yang akan membimbing daku ke samudera Hadirat-Mu.”<sup>9</sup>**

Kita memohon kepada Tuhan dalam doa yang sama itu:

**“Jadikanlah doaku, Ya Tuhanku, sumber air kehidupan agar melaluinya aku dapat hidup selama kerajaan-Mu berlangsung, dan dapat menyebut Engkau di setiap alam daripada alam-alam-Mu.”<sup>10</sup>**

1. Bagaimanakah doa diumpamakan api? Apakah yang dibakarnya? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Sebutkan beberapa tabir yang menghalangi kita daripada Tuhan: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Bolehkah doa diumpamakan cahaya? Ke manakah ia membawa kita? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

4. Bolehkah doa diumpamakan sumber air kehidupan? Apakah yang ia kurniakan kepada roh kita? \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

## BAHAGIAN 5

Baca dan renungkan kata-kata ‘Abdu’l-Bahá yang berikut:

**“Tidak ada apa-apa pun yang lebih manis di alam kewujudan ini selain daripada doa. Manusia harus hidup dalam keadaan berdoa. Keadaan yang paling diberkati ialah keadaan berdoa dan memohon dengan rendah hati kepada Tuhan. Doa itu merupakan perbualan dengan Tuhan. Pencapaian tertinggi atau keadaan yang paling manis tidak lain kecuali perbualan dengan Tuhan. Doa mewujudkan kerohanian, melahirkan kesedaran dan perasaan syurgawi, membawa tarikan-tarikan baharu dari Kerajaan dan menyebabkan kebijaksanaan yang lebih tinggi menjadi peka”<sup>11</sup>**

1. Apakah keadaan yang paling manis dalam alam kewujudan? \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
2. Apakah maksud “keadaan berdoa”? \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
3. Sebutkan beberapa keadaan yang diwujudkan melalui doa? \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
4. Lihat semula petikan-petikan yang anda telah kaji di beberapa bahagian ini dan tuliskan lima frasa tentang sifat doa?
- Doa ialah \_\_\_\_\_
  - Doa ialah \_\_\_\_\_
  - Doa ialah \_\_\_\_\_
  - Doa ialah \_\_\_\_\_
  - Doa ialah \_\_\_\_\_

## BAHAGIAN 6

Bacalah kalimat Bahá’u’lláh di bawah dan renungkan ertiinya:

**“Lagukanlah, Wahai hamba-hamba-Ku, ayat-ayat Tuhan yang telah diterima olehmu, sebagaimana dilakukan oleh mereka yang telah dekat kepada Tuhan, agar kemanisan iramamu menyalakan rohmu sendiri, dan menarik kalbu semua manusia. Barangsiapa yang melafazkan, bersendirian di dalam kamarnya, ayat-ayat yang diwahyukan oleh Tuhan , maka malaikat-malaikat penyebar dari Yang Maha Kuasa akan menyebarkan keharuman kata-kata yang diucapkan oleh mulutnya ke semua tempat dan akan menyebabkan kalbu setiap orang yang salih berdebar. Meskipun pada awalnya, dia tidak sedar akan pengaruhnya, namun atas rahmat yang dikurniakan kepadanya lama-kelamaan ia pasti akan berpengaruh terhadap rohnya. Demikianlah rahsia-rahsia Wahyu Tuhan telah ditetapkan atas Kehendak Dia yang adalah Sumber kekuatan dan kearifan.”<sup>12</sup>**

1. Apa erti “melakukan”? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Bagaimanakah kita harus melakukan ayat-ayat Tuhan? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Apakah erti perkataan “melafazkan”? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. Apakah maksud “menyebarkan”? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
5. Apakah pengaruh kemanisan irama terhadap roh kita? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
6. Apakah pengaruh kemanisan irama kita terhadap kalbu orang lain? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## **BAHAGIAN 7**

Anda boleh menghafal dua petikan berikut daripada sebuah doa yang diturunkan oleh Bahá'u'lláh:

**“Ya Tuhan, Tuhanku! Janganlah melihat pada harapan-harapanku dan perbuatan-perbuatanku, tetapi pandanglah pada kehendak-Mu yang telah meliputi syurga dan bumi. Demi Nama-Mu Yang Maha Agung, Ya Engkau Raja segala bangsa! Aku hanya menghendaki apa yang Engkau kehendaki, dan hanya mencintai apa yang Engkau cintai.”<sup>13</sup>**

**“Terlalu tinggilah Engkau bagi pujian-pujian mereka yang dekat pada-Mu untuk naik ke syurga kedekatan-Mu, atau bagi burung-burung kalbu mereka yang setia pada-Mu untuk mencapai pintu pagar-Mu. Aku naik saksi bahawa Engkau telah dikuduskan atas segala sifat dan disucikan atas segala nama. Tiada Tuhan melainkan Engkau, Yang Maha Tinggi, Yang Maha Mulia.”<sup>14</sup>**

## **BAHAGIAN 8**

‘Abdu’l-Bahá berkata:

**“Adalah diwajibkan bahawa hamba itu berdoa dan mencari pertolongan daripada Tuhan, serta meminta dan memohon bantuan-Nya. Begitulah harus dijadinya pangkat kehambaan, dan Tuhan akan menetapkan apa pun yang Dia inginkan, sesuai dengan kebijaksanaan-Nya yang sempurna.”<sup>15</sup>**

Dan Beliau menerangkan:

**“Roh mempunyai pengaruh; doa mempunyai kesan rohani. Oleh sebab itu, kita berdoa, ‘Ya Tuhan! Sembuhkanlah orang yang sakit ini!’ Semoga Tuhan akan mengabulkan doa itu. Adakah penting siapa yang berdoa? Tuhan pasti mengabulkan doa setiap hamba jika doa itu sangat mendesak. Rahmat-Nya sangat luas, tiada batasnya. Dia menjawab doa semua hamba-Nya. Dia menjawab doa tumbuhan ini. Tumbuhan ini mungkin akan berdoa, ‘Ya Tuhan! Berilah daku hujan!’ Tuhan mengabulkan doa itu, dan tumbuhan itu membesar. Tuhan pasti menjawab doa semua orang.”<sup>16</sup>**

Adalah biasa dalam doa, kita meminta Tuhan untuk memenuhi keperluan kita. Oleh itu, kita berdoa untuk kesihatan sendiri dan kesihatan orang yang kita sayangi, kita mendoakan kemajuan rohani dan kebendaan keluarga kita, dan kita berdoa untuk bimbingan. Kita meminta kekuatan, keimanan, dan pengesahan di jalan khidmat. Semasa berdoa kepada Tuhan, tentu sahaja kita harus ingat bahawa tujuan kita dalam kehidupan adalah untuk menyelaraskan kehendak kita dengan kehendak-Nya. Oleh itu, kita mesti berdoa agar kehendak-Nya dapat dilaksanakan dan bersedia untuk tunduk kepadanya. Jika anda menghafal kata-kata ‘Abdu’l-Bahá di bawah, ia akan menjadi sumber kegembiraan dan keyakinan kepada anda setiap masa:

**“Wahai engkau yang memalingkan wajahmu kepada Tuhan! Tutup matamu pada segala hal yang lain, dan bukalah ke alam Yang Maha Mulia. Tanyakan apa pun yang engkau inginkan daripada-Nya sahaja; carilah apa pun yang engkau carikan daripada-Nya sahaja. Dengan satu tatapan Tuhan memberikan seratus ribu harapan, dengan satu pandangan Dia menyembuhkan seratus ribu penyakit yang tak disembuhkan, dengan satu anggukan Dia meletakkan ubat di setiap luka, dengan sekilas Dia membebaskan kalbu dari belenggu kesedihan. Tuhan melakukan seperti yang diinginkan, dan jalan lain apa**

**yang kita ada? Dia melaksanakan kehendak-Nya, Dia menetapkan apa yang dikehendaki-Nya. Maka lebih baik bagimu untuk menundukkan kepalamu dalam kepatuhan, dan menaruh kepercayaanmu pada Tuhan yang Maha Penyayang.”<sup>17</sup>**

## **BAHAGIAN 9**

Dari semua yang telah kita pelajari hingga sekarang, jelas bahawa berpaling kepada Tuhan dalam doa adalah keperluan penting dalam kehidupan rohani. Betapa manisnya untuk berdoa kepada Tuhan sejurus bangun pada waktu pagi dan pada malam sebelum tidur. Masa yang kita habiskan untuk berdoa setiap hari dan jumlah doa yang kita lafazkan bergantung kepada keperluan dan kehausan rohani kita. Pada setiap kesempatan, kita boleh memilih daripada banyak doa yang diwahyukan oleh Bahá’u’lláh, Báb, dan ‘Abdu'l-Bahá. Tetapi, Bahá’u’lláh juga telah mewahyukan tiga doa wajib harian. Shoghi Effendi berkata:

**“Terdapat tiga buah doa wajib harian. Yang paling pendek terdiri daripada satu ayat yang harus dilafazkan sekali dalam dua puluh empat jam pada tengah hari. Doa sederhana yang bermula dengan kata, ‘Tuhan naik saksi bahawa tiada Tuhan lain kecuali Dia.’ harus dilafazkan tiga kali sehari, pada pagi, tengah hari dan malam. Doa ini disertai dengan tindakan fizikal dan gerak tubuh tertentu. Doa wajib panjang, yang paling terperinci antara ketiga-tiganya harus dilafazkan sekali dalam dua puluh empat jam, dan pada bila-bila sahaja kita ter dorong untuk melafaznya.**

**“Penganut itu bebas sama sekali untuk memilih salah satu daripada ketiga-tiga doa ini, tetapi diwajibkan untuk melafazkan salah satu daripadanya, dan sesuai dengan arahan khusus berkenaan dengan doa-doa tersebut.”<sup>18</sup>**

Dan Beliau meneruskan:

**“Doa-doa wajib harian ini bersama dengan beberapa doa khusus yang lain, seperti Doa Kesembuhan, dan Loh Ahmad, telah dikurniai Bahá’u’lláh dengan kekuatan dan kepentingan yang istimewa, dan oleh itu harus diterima sedemikian dan harus dilafazkan oleh para penganut dengan keimanan dan keyakinan yang tidak dapat dipersoalkan, agar melalui doa-doa khusus ini mereka dapat berhubung lebih erat dengan Tuhan, dan membawa diri mereka lebih selaras dengan hukum dan nasihat-Nya.”<sup>19</sup>**

Ketiga-tiga doa wajib yang diturunkan oleh Bahá’u’lláh dilafazkan secara bersendirian. Jenis doa berjemaah iaitu doa wajib yang dibacakan dalam kumpulan mengikut upacara tertentu tidak wujud dalam Akidah Bahá’í. Doa untuk Yang Meninggal merupakan satu-satunya doa berjemaah yang ditetapkan dalam hukum Bahá’í. Doa itu harus dilafazkan sebelum penguburan oleh salah satu orang yang hadir sementara yang lain berdiri dalam keadaan senyap.

1. Apakah maksud perkataan “wajib”? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Berapakah doa wajib harian yang telah diturunkan oleh Bahá’u’lláh? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Haruskah kita melafazkan ketiga-tiga doa itu setiap hari? \_\_\_\_\_
4. Sekiranya kita memilih untuk melafazkan Doa Wajib Panjang, berapa kali harus kita melafazkannya setiap hari? \_\_\_\_\_
5. Berapa kali harus kita melafazkan Doa Wajib Sederhana, jika kita memilih untuk melafazkannya? \_\_\_\_\_
6. Berapa kali harus kita melafazkan Doa Wajib Pendek, jika kita memilih doa ini?  
\_\_\_\_\_
7. Sebutkan beberapa buah doa yang mempunyai kuasa yang istimewa: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
8. Hafal Doa Wajib Pendek jika anda belum lagi berbuat demikian:

**“Aku naik saksi, Ya Tuhanku, bahawa Engkau telah menjadikanku untuk mengenal dan menyembah Engkau. Aku naik saksi pada saat ini akan kelemahanku dan kekuatan-Mu, kemiskinanku dan kekayaan-Mu.**

**“Tiada Tuhan kecuali Engkau, Penolong Dalam Bencana, Yang Berdiri Sendiri.”**<sup>20</sup>
9. Kepada apakah kita naik saksi dalam doa ini?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## BAHAGIAN 10

Kita harus ingat bahawa, selain berkat-berkat yang kita terima daripada mematuhi hukum doa wajib dan khasiat rohani yang kita perolehi daripada melafazkan doa-doa lain secara individu, roh kita diriangkan ketika kita mendengar doa-doa dibacakan dalam perjumpaan sama ada yang besar atau kecil. Bahá’u’lláh memberitahu kita:

**“Berkumpullah engkau bersama dengan sukacita tertinggi dan persahabatan dan lafazkan ayat-ayat yang diturunkan oleh Tuhan yang maha pengasih. Dengan begitu, pintu pengetahuan sebenar akan terbuka bagi kewujudan batinmu, dan kemudian engkau akan merasakan rohmu dikurniai ketabahan dan hatimu dipenuhi dengan kegembiraan yang berseri.”<sup>21</sup>**

Kita semua tumpang gembira mengetahui bahawa di seluruh dunia, perjumpaan doa di mana rakan-rakan dan jiran berkumpul untuk berhubung dengan Tuhan sedang bertambah secara ribuan. Balai Keadilan Sedunia menulis:

**“Perhimpunan-perhimpunan doa adalah peristiwa apabila jiwa-jiwa dapat memasuki, menghirup kewangian syurgawi, mengalami kemanisan doa, bermeditasi pada Kalimat Kreatif, diterbangkan dengan sayap-sayap roh, dan berkomunikasi dengan Kekasih yang esa. Perasaan persahabatan dan tujuan yang sama akan dijanakan, terutamanya dalam perbualan-perbualan rohani yang tinggi yang secara semulajadi dibualkan pada masa tersebut dan yang melaluinya ‘kota kalbu manusia’ dapat dibuka”<sup>22</sup>**

Apabila kita berasa terdorong untuk berdoa, kita menunggu dengan senyap seketika untuk membersihkan minda kita daripada perkara-perkara dunia ini. Semasa berdoa, kita memusatkan fikiran kepada Tuhan. Setelah membaca doa, kita kekal senyap untuk seketika dan tidak beralih ke aktiviti lain secara tiba-tiba. Perkara yang sama harus berlaku ketika kita mendengar doa-doa yang dilafazkan oleh orang lain dalam perjumpaan. Pada kesempatan seperti itu, kita juga berada dalam sikap berdoa dan mengikuti kata-kata yang dilafazkan dengan teliti, seolah-olah kita yang melafazkannya.

1. Dengan semangat apakah yang harus kita berkumpul bersama ketika melafazkan ayat-ayat Tuhan? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Apakah kesan perjumpaan kita bersama untuk melafazkan ayat-ayat Tuhan? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Perhimpunan doa adalah kesempatan bagi setiap jiwa untuk  
- \_\_\_\_\_ ,  
- \_\_\_\_\_ ,  
- \_\_\_\_\_ ,  
- \_\_\_\_\_ ,  
- \_\_\_\_\_ , dan  
- \_\_\_\_\_ .

4. Apakah perasaan-perasaan yang terjana daripada perhimpunan doa? \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
5. Apakah kesan perbualan yang meningkatkan kerohanian yang secara semula jadi berlaku pada perhimpunan doa? \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
6. Tulis tentang sikap hormat yang harus kita tunjukkan apabila kita berdoa sama ada secara bersendirian atau dalam perjumpaan.
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

## BAHAGIAN 11

Unit pertama buku ini memberi tumpuan kepada kebiasaan membaca petikan dari Tulisan Suci setiap hari dan merenungkan maknanya. Anda telah memikirkan di sini tentang kepentingan doa dan, sebagai hasilnya, telah menguatkan tabiat berdoa setiap hari. Bahagian sebelumnya membawa kepada perhatian anda betapa pentingnya ibadat komuniti. Semua yang anda pelajari setakat ini telah mempersiapkan anda untuk melakukan, jika anda ingin, tindakan pertama di jalan khidmat iaitu menganjurkan perhimpunan doa.

Sebagai langkah awal, anda mungkin ingin menghafal beberapa doa dan mencari peluang untuk berkongsinya dengan beberapa rakan. Pada masa yang sama, anda boleh memastikan bahawa anda menghadiri sekurang-kurangnya satu perjumpaan doa di komuniti anda dan adalah penyokongnya yang bersemangat. Akhirnya, anda boleh membuat keputusan untuk menganjurkan perhimpunan doa secara sendiri, menjemput rakan-rakan, ahli keluarga, dan jiran anda untuk berkumpul secara berkala untuk berdoa dan mengikat persahabatan. Adalah biasa bagi dua atau tiga peserta kursus ini untuk memulakan perhimpunan doa sebegini bersama-sama.

Seperti yang anda bayangkan, tidak ada formula bagaimana perhimpunan doa diaturkan. Tetapi ini jelas merupakan pertemuan rakan-rakan di mana doa-doa dipanjangkan, petikan daripada Tulisan Suci dibaca, dan perbualan yang menaikkan semangat berlaku—semuanya dalam suasana rohani yang nyata. Bolehkah anda menulis tentang setiap idea berikut dalam konteks menganjurkan perhimpunan doa?

Memberi jemputan yang mesra dan penuh kasih sayang: \_\_\_\_\_

---

---

---

Mewujudkan persekitaran yang mesra: \_\_\_\_\_

---

---

---

Mengekalkan suasana hormat: \_\_\_\_\_

---

---

---

Mempromosikan persabahan yang menggembirakan: \_\_\_\_\_

---

---

---

Menggalakkan perbualan yang meningkatkan kerohanian: \_\_\_\_\_

---

---

---

## RUJUKAN

1. *Himpunan daripada Tulisan-Tulisan Bahá'u'lláh* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, cetakan 1983, 2017), XLIII.
2. Bahá'u'lláh, *Kebolehpercayaan: Kompilasi daripada Ekstrak Tulisan-tulisan Bahá'í, disusun oleh Bahagian Penyelidikan Balai Keadilan Sedunia* (London: Bahá'í Publishing Trust, 1987), no. 21.
3. *The Call of the Divine Beloved: Selected Mystical Works of Bahá'u'lláh* (Haifa: Bahá'í Publishing Trust, 2018), no. 2.43, p. 31.
4. Daripada suatu ceramah pada 5 May 1912, *Pemupukan Keamanan Universal: Ceramah-ceramah yang telah disampaikan oleh 'Abdu'l-Bahá semasa lawatan-Nya ke Amerika Syarikat dan Kanada pada 1912* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, cetakan 2012).
5. Bahá'u'lláh, *Kalimat-Kalimat Tersembunyi* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, cetakan 2003, 2012), Bahasa Arab, no. 13.
6. Daripada sepucuk surat bertarikh 8 December 1935 ditulis bagi pihak Shoghi Effendi, diterbit di *Doa dan Kehidupan Ibadah: Kompilasi daripada Ekstrak Tulisan-tulisan Bahá'u'lláh, Báb, dan 'Abdu'l-Bahá dan surat-surat Shoghi Effendi dan Balai Keadilan Sedunia, oleh Bahagian Penyelidikan Balai Keadilan Sedunia* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, cetakan 2019), no. 71.
7. Kata-kata 'Abdu'l-Bahá, disebut oleh J. E. Esslemont, *Bahá'u'lláh dan Era Baharu: Pengenalan kepada Akidah Bahá'í* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, cetakan 2006, 2017).
8. Ibid.
9. Bahá'u'lláh, *Doa-Doa Bahá'í: Pilihan Doa-doa Bahá'u'lláh, Báb, dan 'Abdu'l-Bahá* (Wilmette: Bahá'í Publishing Trust, cetakan 2002, 2017).
10. Ibid.
11. Kata-kata 'Abdu'l-Bahá yang disebutkan di dalam *Star of the West*, jilid. 8, No. 4 (17 May 1917)
12. *Himpunan daripada Tulisan-Tulisan Bahá'u'lláh*, CXXXVI; juga di Doa-doa Bahá'í.
13. Bahá'u'lláh, *Doa-Doa Bahá'í*.

14. Ibid.
15. ‘Abdu’l-Bahá, *Doa dan Kehidupan Ibadah*, no. 24.
16. Daripada suatu ceramah oleh ‘Abdu’l-Bahá pada 5 Ogos 1912, diterbit dalam *Pemupukan Keamanan Universal*.
17. *Pilihan daripada Tulisan-Tulisan ‘Abdu’l-Bahá* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, cetakan 2010, 2015), no. 22.1.
18. Daripada sepucuk surat bertarikh 10 Januari 1936 ditulis bagi pihak Shoghi Effendi, diterbit dalam *Doa dan Kehidupan Ibadah*, no. 61.
19. Daripada sepucuk surat bertarikh 10 Januari 1936 ditulis bagi pihak Shoghi Effendi, dipetik daripada *Doa dan Kehidupan Ibadah*, no. 61.
20. Bahá’u’lláh, *Doa-Doa Bahá’í*.
21. Bahá’u’lláh, *Doa dan Kehidupan Ibadah*, no. 68.
22. Daripada surat bertarikh 29 December 2015, diterbit dalam *Framework for Action: Selected Messages of the Universal House of Justice and Supplementary material, 2006-2016* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, cetakan 2017), no. 35.49, p. 232.



# Kehidupan dan Kematian

## Tujuan

Menghargai bahawa kehidupan bukan hanya terdiri daripada perubahan dan kesempatan dunia ini tetapi menemui kepentingan sebenarnya dalam perkembangan roh



## **BAHAGIAN 1**

Roh manusia jauh lebih mulia daripada alam kebendaan dan dunia jasmani. Dalam salah satu ceramah Beliau, ‘Abdu’l-Bahá telah menerangkan:

**“Badan jasmani ini terdiri daripada atom; apabila atom-atom ini mula berpisah, penguraian bermula, maka muncullah apa yang kita sebutkan sebagai kematian....”**

**“Dengan roh ia adalah berbeza. Roh bukanlah gabungan elemen, tidak terdiri daripada banyak atom, ia adalah satu zat yang tidak dapat dipisahkan dan oleh itu ia kekal. Ia sepenuhnya tidak mengikut urutan penciptaan fizikal; ia adalah abadi! ”<sup>1</sup>**

1. Apakah maksud “terdiri daripada”? \_\_\_\_\_
2. Adakah roh manusia terdiri daripada pelbagai elemen seperti badan jasmani? \_\_\_\_\_
3. Adakah roh manusia suatu entiti fizikal? \_\_\_\_\_

## **BAHAGIAN 2**

Satu surat yang ditulis bagi pihak Sang Wali menyatakan bahawa “roh manusia muncul pada masa persenyawaan”.<sup>2</sup> Menjawab pertanyaan mengenai makna “persenyawaan”, Balai Keadilan Sedunia menyatakan:

**“Tidak ada apa-apa yang ditemui dari Tulisan Bahá’í yang secara tepat menentukan saat biologi dan sifat peristiwa yang digambarkan sebagai ‘penghamilan’. Penggunaan istilah ini dalam konteks perubatan juga nampaknya tidak tepat. Sesungguhnya, satu pemahaman tentang penghamilan adalah bahawa ia bertepatan dengan persenyawaan; yang satu lagi adalah bahawa ia berlaku selepas persenyawaan dan penempelan iaitu permulaan kehamilan. Oleh itu, tidak mungkin untuk mengetahui bila perhubungan roh dengan bentuk jasmani berlaku, dan persoalan seperti itu mungkin tidak dapat dijawab oleh pemikiran atau penyelidikan manusia kerana ia berkaitan dengan misteri dunia rohani dan sifat roh itu sendiri.”<sup>3</sup>**

1. Bilakah roh manusia wujud? \_\_\_\_\_
2. Adakah istilah “penghamilan” menggambarkan saat biologi yang tepat? \_\_\_\_\_

## BAHAGIAN 3

Hubungan antara roh dengan badan bukanlah bersifat kebendaan; roh tidak masuk ke dalam badan dan tidak keluar dari badan dan juga tidak mengisi ruang fizikal. Hubungannya dengan badan adalah seperti hubungan antara cahaya dengan cermin yang memantulkan sinarannya. Cahaya yang terpantul pada cermin itu tidak berasal dari cermin itu. Demikian juga roh tidak berada di dalam badan. Seperti yang dikatakan oleh ‘Abdu’l-Bahá:

**“Roh yang rasional, atau jiwa manusia, tidak wujud melalui badan ini secara semula jadi, iaitu ia tidak memasukinya; kerana keturunan dan kemasukan adalah ciri badan, dan roh yang rasional disucikan di atas semua ini. Ia tidak pernah memasuki badan ini dari awalnya, sehingga ia memerlukan tempat tinggal yang lain setelah meninggalkan badan. Tidak, hubungan roh dengan badan sama seperti hubungan lampu ini dengan cermin. Sekiranya cermin digilap dan disempurnakan, cahaya lampu akan muncul di dalamnya, dan jika cermin pecah atau ditutup dengan debu, cahaya tetap tersembunyi.”<sup>4</sup>**

1. Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat berikut.
  - a. Roh yang rasional, atau \_\_\_\_\_, tidak wujud melalui badan ini secara semula jadi, iaitu ia \_\_\_\_\_.
  - b. \_\_\_\_\_, atau jiwa manusia, tidak memasuki badan; kerana keturunan dan kemasukan adalah \_\_\_\_\_, dan roh yang rasional \_\_\_\_\_.
  - c. Roh tidak pernah \_\_\_\_\_ dari awalnya, sehingga ia memerlukan \_\_\_\_\_ setelah meninggalkan badan.
  - d. Hubungan roh dengan badan sama seperti hubungan \_\_\_\_\_.
  - e. Sekiranya cermin digilap dan disempurnakan, \_\_\_\_\_ akan muncul di dalamnya.
  - f. Jika cermin pecah atau ditutup dengan debu, \_\_\_\_\_.
2. Berdasarkan apa yang telah kita pelajari setakat ini, tentukan sama ada yang berikut adalah benar:  
 Roh bukan milik alam kebendaan.  
 Roh berada di dalam badan.  
 Badan ialah pemilik roh.

- \_\_\_\_\_ Roh adalah abadi.
  - \_\_\_\_\_ Seseorang individu mempunyai permulaannya apabila roh berhubung dengan embrio.
  - \_\_\_\_\_ Kehidupan bermula ketika individu lahir di dunia ini.
  - \_\_\_\_\_ Kewujudan kebendaan individu akan berterusan selepas mati.
  - \_\_\_\_\_ Kehidupan terdiri daripada hal-hal yang terjadi kepada kita setiap hari
3. Gunakan gambaran cahaya dan cermin untuk menggambarkan hubungan antara roh dengan badan: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## BAHAGIAN 4

Terdapat hubungan yang sangat istimewa antara roh dengan badan yang bersama-sama membentuk seorang manusia. Hubungan itu berlangsung hanya untuk jangka hidup yang fana ini. Apabila hubungan antara kedua-duanya terhenti, setiap satunya akan kembali ke tempat asalnya, badan kembali ke dunia debu dan roh ke alam-alam rohani Tuhan, di mana roh akan terus maju. ‘Abdu’l-Bahá berkata:

**“Roh manusia mempunyai permulaan tetapi tiada akhir: Ia kekal selama-lamanya.”<sup>5</sup>**

Dalam salah satu ceramah-Nya, Beliau menjelaskan:

**“Roh tidak memerlukan badan, tetapi badan memerlukan roh, jika tidak ia tidak boleh hidup. Roh boleh hidup tanpa badan, tetapi badan tanpa roh akan mati.”<sup>6</sup>**

Dan Sang Wali menerangkan:

**“Berkenaan dengan roh manusia: Mengikut Ajaran Bahá’í roh manusia bermula dengan pembentukan embrio, dan terus berkembang dan melalui tahap-tahap kewujudan yang tidak berkesudahan selepas pemisahan daripada badan. Perkembangannya adalah tidak terbatas.”<sup>7</sup>**

1. Dengan mengingati petikan-petikan di atas, jawab soalan-soalan yang berikut:
  - a. Adakah badan memerlukan roh? \_\_\_\_\_

- b. Adakah roh memerlukan badan? \_\_\_\_\_
- c. Apakah yang berlaku dengan hubungan antara badan dan roh selepas kita mati?  
\_\_\_\_\_
- d. Apakah yang berlaku kepada roh selepas mati?  
\_\_\_\_\_
- e. Berapa lamakah perkembangan roh akan bertahan?  
\_\_\_\_\_
- f. Bilakah kehidupan berakhir?  
\_\_\_\_\_
2. Tentukan manakah antara yang berikut adalah sesuai dengan apa yang telah kita pelajari dalam bahagian-bahagian ini:
- \_\_\_\_\_ Kematian itu adalah satu hukuman.
- \_\_\_\_\_ Hubungan antara badan dengan roh hanya akan kekal untuk jangka masa hidup yang fana ini.
- \_\_\_\_\_ Badan mempunyai keupayaan untuk maju selama-lamanya.
- \_\_\_\_\_ Roh akan berkembang untuk selama-lamanya.
- \_\_\_\_\_ Kematian adalah kesudahan kehidupan.
- \_\_\_\_\_ Hari kiamat akan datang apabila badan kita bangkit.
- \_\_\_\_\_ Setelah mati roh kita lebih bebas daripada sewaktu di dunia ini.
- \_\_\_\_\_ Kehidupan akan berakhir dengan kematian.
- \_\_\_\_\_ Kita harus takut akan kematian.
- \_\_\_\_\_ Makanan, pakaian, rehat dan rekreasi adalah diperlukan oleh roh.
- \_\_\_\_\_ Roh menjadi penat ketika badan menghabiskan tenaganya.
- \_\_\_\_\_ Roh tidak terjejas oleh penyakit mahupun kelemahan badan.
- \_\_\_\_\_ Manusia masih akan mempunyai keperluan jasmani selepas mati.

## BAHAGIAN 5

Kita telahpun melihat bahawa roh tidak mengisi ruang fizikal dan tidak berfungsi mengikut hukum alam, seperti entiti kebendaan. Roh mengenakan pengaruh di dunia ini melalui badan, tetapi ini bukanlah cara tunggal roh menggunakan kuasanya. Bahá'u'lláh mengisytiharkan:

**“Sesungguhnya Aku katakan, roh manusia adalah terluhur di atas segala egress dan kemunduran. Ia tidak bergerak, namun ia tetap melayang; ia bergerak, namun ia tetap kekal.”<sup>8</sup>**

Dan ‘Abdu’l-Bahá memberitahu kita:

**“Ketahui bahawa pengaruh dan persepsi roh manusia ada dua jenis, iaitu roh manusia mempunyai dua cara operasi dan pemahaman. Satu mod adalah melalui pengantaraan alat-alat dan organ badan. Maka ia dapat melihat dengan mata, mendengar dengan telinga, berbicara dengan lidah. . . .**

**“Satu lagi mod bagi pengaruh dan tindakan roh adalah tanpa alat-alat dan organ badan ini.”<sup>9</sup>**

1. Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah:
  - a. Roh manusia adalah terluhur di atas \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
  - b. Ia \_\_\_\_\_, namun ia tetap \_\_\_\_\_.
  - c. Ia \_\_\_\_\_, namun ia tetap \_\_\_\_\_.
2. Gambarkan dua cara roh merasa dan mengenakan pengaruh di dunia ini: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Dapatkan anda memberi contoh-contoh pengaruh dan tindakan roh tanpa badan sebagai alat? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## **BAHAGIAN 6**

Sekarang, berdasarkan perbincangan di bahagian sebelumnya, baca petikan berikut daripada Tulisan Bahá’u’lláh:

**“Ketahuilah engkau bahawa roh manusia terluhur di atas, dan tidak bergantung pada kelemahan badan dan minda. Bahawa orang yang sakit menunjukkan tanda-tanda kelemahan adalah kerana halangan antara rohnya dengan badannya, kerana roh sendiri tetap tidak terjejas dengan semua penyakit badan. Bayangkan cahaya lampu. Walaupun suatu benda di luar lampu itu dapat menghalangi sinarannya, namun cahaya itu sendiri tetap**

**memancar dengan kuasa yang tak berkurang. Demikian pula, setiap penyakit yang dideritai tubuh manusia merupakan rintangan yang menghalangi roh daripada menunjukkan kuasa dan kekuatannya yang sedia ada. Namun ketika ia meninggalkan badan, roh itu akan memperlihatkan kuasa dan pengaruh yang sedemikian besar sehingga tiada kuasa di dunia yang dapat menandinginya. Setiap roh yang suci, yang halus dan luhur akan diberkati dengan kuasa yang hebat dan akan bersukacita dengan kegembiraan yang amat.”<sup>10</sup>**

1. Jelaskan dengan kata-kata anda sendiri bagaimana roh tetap tidak terjejas oleh kelemahan badan atau minda, dan apa yang akan menjadi jelas setelah pemisahannya dari badan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

2. Adakah kita akan mengekalkan keperibadian kita setelah kematian badan fizikal kita? \_\_\_\_\_

## **BAHAGIAN 7**

Bahá’u’lláh memberitahu kita:

**“Dan kini mengenai pertanyaanmu tentang roh manusia dan kewujudan kehidupannya setelah kematian. Ketahuilah kamu kebenaran ini, bahawa roh, setelah berpisah daripada badan, akan terus maju hingga mencapai hadirat Tuhan, dalam bentuk dan keadaan yang tidak dapat diubah, baik oleh revolusi zaman-berzaman dan berabad-abad, mahupun oleh perubahan dan kesempatan-kesempatan dunia ini. Roh akan kekal selama Kerajaan Tuhan, kedaulatan-Nya, kekuatan dan kekuasaan-Nya berlangsung. Ia akan menjelmakan tanda-tanda Tuhan dan sifat-sifat-Nya, serta akan menunjukkan kasih sayang dan kurnia-Nya.”<sup>11</sup>**

1. Berapa lamakah roh akan terus maju selepas kematian? \_\_\_\_\_

---

2. Dalam keadaan apa roh akan meneruskan perjalanan abadi menuju hadirat Tuhan?

---

---

---

3. Apakah sifat-sifat dan tanda-tanda yang akan dijelmakan oleh roh dalam keadaan itu? \_\_\_\_\_

---

---

4. Berdasarkan apa yang kita telah pelajari setakat ini, tentukan sama ada yang berikut adalah benar:

- Kerajaan Tuhan akan kekal untuk selama-lamanya.  
 Roh mempunyai keupayaan untuk menjelmakan sifat-sifat Tuhan.  
 Doa yang kita panjatkan untuk mereka yang telah meninggal tidak menjelaskan perkembangan roh mereka.  
 Roh tidak akan berhenti wujud.

## BAHAGIAN 8

Bahá'u'lláh mengisyiharkan:

**"Ketahuilah engkau bahawa setiap telinga yang mendengar, jika tetap murni dan bersih, harus selalu dan dari segala arah, mendengarkan suara yang mengucapkan kata-kata suci ini: "Sesungguhnya, kita adalah milik Tuhan, dan kepada-Nyalah kita akan kembali." Rahsia-rahsia kematian jasmani manusia dan kepulangannya belum lagi dibukakan, dan masih tetap tidak terbaca....**

**"Kematian mempersebahkan kepada setiap penganut yang yakin cawan kehidupan sejati. Ia memberikan keriangan, dan merupakan pembawa kegembiraan. Ia menganugerahkan kehidupan abadi.**

**"Mengenai mereka yang sudah merasakan hasil kehidupan manusia di dunia ini, yakni mengenal Tuhan Esa Yang Benar, diluhurkanlah kemuliaan-Nya, kehidupan mereka di akhirat sedemikian rupa sehingga Kami tidak dapat menghuraikannya. Pengetahuan tentang hal ini hanya ada pada Tuhan, sendiri, Raja sekalian alam."**<sup>12</sup>

**“Wahai Putera yang Tertinggi! Aku telah membuat kematian sebagai utusan keriangan bagimu. Mengapakah engkau bersedih hati? Aku telah membuat cahaya agar memancarkan kecemerlangannya kepadamu. Mengapakah engkau menutupi dirimu daripadanya?”<sup>13</sup>**

1. Manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah benar?
  - Roh manusia berasal dari Tuhan dan akan kembali kepada-Nya.
  - Semua pengetahuan tentang kehidupan setelah kematian ada pada Tuhan.
  - Bagi penganut sejati kematian merupakan kehidupan.
  - Kematian itu pembawa kebahagiaan.
  - Rahsia tentang kematian diketahui oleh semua.
  - Kita harus menghargai rahmat kehidupan pada masa yang sama tidak takut pada kematian, kerana ia adalah utusan keriangan.
  - Adalah tidak penting bagi kita untuk mengetahui tentang kehidupan selepas kematian.
2. Sekarang, dengan mengingati apa yang telah kita pelajari dalam bahagian-bahagian ini, tuliskan satu perenggan pendek tentang kehidupan, kematian, badan dan roh.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN 9

‘Abdu’l-Bahá berkata:

“Pada permulaan kehidupannya manusia hidup dalam alam kandungan, dimana dia membangunkan keupayaan dan layaknya untuk maju dalam dunia ini. Kuasa-kuasa yang diperlukan di dunia ini diperolehi di dunia itu. Ia memerlukan mata dalam dunia ini; ia menerimanya dalam alam kandungan. Ia memerlukan telinga dalam dunia ini; ia memperolehnya di sana. Kuasa-kuasa yang diperlukan di dunia ini diperolehnya dalam alam kandungan. Di dunia itu dia bersedia untuk dunia ini, dan ketika dia lahir di dunia ini dia melihat bahawa dirinya memiliki segala kuasa yang diperlukan dan telah memperoleh semua anggota badan dan organ-organ yang diperlukan untuk kehidupan ini, di dunia itu. Seperti itu juga, dia harus mempersiapkan diri di dunia ini untuk kehidupan akhirat. Apa yang diperlukannya di alam Kerajaan, harus diperoleh di dunia ini. Sebagaimana dia telah memperoleh kuasa-kuasa yang diperlukan untuk dunia ini dalam alam kandungan, oleh itu, begitu juga, dia mesti memperoleh apa yang diperlukan dalam alam Kerajaan - iaitu semua kuasa-kuasa syurgawi - di dunia ini.”<sup>14</sup>

1. Tentukan sama ada yang berikut adalah benar:
  - Semua kuasa yang diperlukan di dunia ini diperolehi di alam kandungan.
  - Kita tidak perlu menyediakan diri untuk kehidupan yang akan datang.
  - Apa yang diperlukan dalam alam Kerajaan harus diperolehi di situ.
  - Tujuan kehidupan ini adalah memperoleh kuasa-kuasa yang diperlukan untuk kehidupan yang akan datang.
  - Kehidupan sebenar bermula apabila manusia meninggal dunia dan masuk ke alam Kerajaan.
  - Kehidupan sebenar bermula di dunia ini dan berterusan selepas kematian badan.

2. Apakah keupayaan-keupayaan yang diterima oleh manusia di alam kandungan? \_\_\_\_\_

---

---

3. Apakah endowen-endowen yang harus diperoleh di dunia ini untuk kehidupan selepas mati? \_\_\_\_\_

---

---

## BAHAGIAN 10

Bahá'u'lláh bersabda:

**“Tugas sepenuhnya manusia pada Hari ini adalah memperoleh bahagian dari limpahan kurnia yang dicurahkan Tuhan baginya. Oleh sebab itu, janganlah sesiapapun melihat pada besar kecilnya wadah. Mungkin ada yang mempunyai bahagian hanya sebesar telapak tangannya, yang lain mempunyai bahagian sepenuh cawan, sementara bagi orang yang lain ada yang sebanyak satu gelen.”<sup>15</sup>**

1. Berdasarkan petikan di atas, jawablah soalan-soalan di bawah:
  - a. Apakah kewajipan setiap individu pada Hari ini? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  - b. Apakah antara rahmat yang telah anda terima daripada Tuhan? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  - c. Apakah yang dirujuk dengan perkataan “wadah” dalam petikan di atas? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  - d. Mengapakah kita tidak harus melihat “besar kecilnya” keupayaan yang dikurniakan kepada kita? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  - e. Apakah antara perkara yang menghalang kita daripada menerima bahagian kita daripada kurnia Tuhan? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Manakah antara yang berikut adalah benar:
  - \_\_\_\_\_ “Besar kecil” keupayaan kita merujuk kepada tahap kebijaksanaan kita.
  - \_\_\_\_\_ Untuk mengabdi kepada Tuhan, kita harus melupakan segala kelemahan kita dan meletakkan sepenuh kepercayaan pada-Nya.
  - \_\_\_\_\_ Jika di dunia ini kita tidak mengembangkan keupayaan yang dikurniakan oleh Tuhan kepada kita, maka roh kita akan lemah pada saat memasuki alam seterusnya.

## BAHAGIAN 11

Bahá'u'lláh menyatakan:

**"Engkau telah bertanya kepada Aku mengenai sifat roh. Ketahuilah, sesungguhnya, bahawa roh itu adalah suatu tanda Tuhan, suatu permata syurgawi yang kebenarannya telah gagal difahami oleh orang-orang yang paling terpelajar, dan yang misterinya tiada minda, betapa akut pun dapat berharap untuk membongkar. Roh adalah yang pertama di atas semua benda tercipta untuk menyatakan keunggulan Penciptanya, yang pertama untuk mengakui kemuliaan-Nya, untuk berpegang pada kebenaran-Nya, dan bersujud dalam pemujaan di hadapan-Nya."**<sup>16</sup>

1. Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat yang berikut:
  - a. Roh adalah suatu \_\_\_\_\_ Tuhan.
  - b. \_\_\_\_\_ ialah permata syurgawi yang \_\_\_\_\_ telah gagal difahami oleh orang-orang yang paling terpelajar, dan yang \_\_\_\_\_ tiada minda, betapa tajam pun dapat berharap untuk \_\_\_\_\_.
  - c. \_\_\_\_\_ adalah \_\_\_\_\_ menyatakan \_\_\_\_\_ .
  - d. Roh adalah yang pertama untuk \_\_\_\_\_ mengakui kemuliaan Tuhan.
  - e. Roh adalah yang pertama untuk \_\_\_\_\_ kebenaran Tuhan.
  - f. Roh adalah yang pertama untuk \_\_\_\_\_ dalam pemujaan di hadapan Tuhan.
2. Manakah antara yang berikut adalah benar?  
 "Membongkarkan" bermaksud mencari tahu.  
 Antara semua yang tercipta, otak manusia adalah yang pertama mengenal Tuhan.  
 "Akut" bermaksud tajam.  
 Orang yang terpelajar akan mengerti rahsia tentang roh.  
 Hanya ahli falsafah hebat yang dapat menyatakan keunggulan Tuhan.  
 Tidaklah perlu untuk bertafakur tentang roh kerana kita tidak akan pernah memahaminya.

## BAHAGIAN 12

Bahá'u'lláh bersabda:

**“Engkau adalah laksana burung yang terbang tinggi, dengan kekuatan penuh sayap-sayapnya yang perkasa dan dengan keyakinan yang penuh dan riang, melalui keluasan langit, sehingga, terdorong untuk memuaskan kelaparannya, ia berpaling dengan rindunya menuju ke arah air dan tanah liat bumi di bawahnya, dan, setelah terperangkap dalam jerat nafsunya, mendapati dirinya tidak berdaya untuk terbang kembali ke alam-alam asalnya. Tidak berdaya melepaskan beban yang dipikul oleh sayap-sayapnya yang kotor, burung yang selama ini merupakan penghuni langit, sekarang terpaksa mencari tempat kediaman di atas tanah. Oleh yang demikian Wahai hamba-hamba-Ku, janganlah mengotori sayap-sayapmu dengan tanah liat kesesatan dan khayalan-khayalan yang sia-sia, dan janganlah menodai sayap-sayapmu dengan debu iri hati dan kebencian, supaya engkau tidak akan terhalang untuk terbang ke langit ilmu keilahian-Ku.”<sup>17</sup>**

1. Lengkapkan ayat-ayat di bawah.
  - a. Burung yang dimaksudkan oleh Bahá'u'lláh dalam petikan di atas adalah \_\_\_\_\_.
  - b. Burung ini adalah penghuni \_\_\_\_\_.
  - c. Jika sayapnya sudah kotor, burung ini terpaksa mencari kediamannya di atas \_\_\_\_\_.
2. Sekarang jawablah soalan-soalan berikut:
  - a. Bagaimanakah “sayap-sayap” roh dikotori? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  - b. Apakah antara beban yang bagaikan “air dan tanah liat bumi” yang dipikul oleh sayap-sayap roh? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  - c. Apakah yang dapat menghalang kita daripada melayang semula ke langit ilmu keilahian? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

- d. Mengapa roh ingin menukar kediaman syurgawinya dengan debu-debu dunia ini? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Tentukan sama ada pernyataan-pernyataan yang berikut adalah benar:
- \_\_\_\_\_ Keterikatan duniawi menghalang kemajuan rohani kita.
  - \_\_\_\_\_ Kesesatan dan khayalan-khayalan yang sia-sia menahan kita daripada terbang di langit keilahian.
  - \_\_\_\_\_ Iri hati dan kebencian adalah sifat semula jadi manusia dan tidak membebankan roh.
  - \_\_\_\_\_ Kita dapat melepaskan diri daripada beban yang menghalang kita melayang tinggi di langit yang luas dengan melepaskan diri daripada perkara-perkara dunia ini.
  - \_\_\_\_\_ Kediaman roh berada di dunia ini.

## BAHAGIAN 13

Bahá'u'lláh berkata:

**“Setelah mencipta dunia dan segala yang menghuni dan bergerak di dalamnya, Dia, melalui operasi langsung Kehendak-Nya yang tidak terhalang dan berdaulat, telah memilih untuk menganugerahkan manusia perbezaan yang unik dan keupayaan untuk mengenal dan mencintai-Nya—suatu keupayaan yang harus dianggap sebagai penjana dorongan dan tujuan utama yang mendasari seluruh ciptaan... Pada hakikat terdalam setiap ciptaan Dia telah mencerahkan cahaya salah satu nama-Nya, dan menjadikannya penerima kemuliaan salah satu sifat-Nya. Akan tetapi, pada hakikat manusia, Dia telah memusatkan sinar semua nama dan sifat-Nya, dan menjadikannya cerminan Diri-Nya Sendiri. Antara semua ciptaan, hanya manusia yang dikurniai rahmat yang sedemikian besar, satu kurnia yang kekal abadi.”<sup>18</sup>**

1. Isi tempat kosong di bawah.
  - a. Tuhan memilih untuk menganugerahkan manusia perbezaan yang unik dan keupayaan untuk \_\_\_\_\_ .
  - b. Pada hakikat terdalam \_\_\_\_\_ ciptaan Dia telah mencerahkan cahaya \_\_\_\_\_ , dan menjadikannya penerima kemuliaan \_\_\_\_\_ .
  - c. Pada hakikat manusia, Dia telah memusatkan sinar \_\_\_\_\_ , \_\_\_\_\_ , dan menjadikannya cerminan \_\_\_\_\_ .

2. Sekarang jawabkan soalan-soalan berikut:

a. Bolehkah anda sebutkan beberapa sifat Tuhan? \_\_\_\_\_

---

b. Apakah antara sifat-sifat Tuhan yang boleh dicerminkan oleh roh manusia? \_\_\_\_\_

---

c. Bagaimanakah sifat-sifat ini ditunjukkan? \_\_\_\_\_

---

d. Rahmat apakah yang khusus dianugerahkan kepada manusia? \_\_\_\_\_

---

3. Manakah antara yang berikut adalah benar?

- \_\_\_\_\_ Manusia adalah tidak berbeza daripada ciptaan yang lain. Keterikatan dunia akan menghalangi kemajuan rohani kita.
- \_\_\_\_\_ Keupayaan untuk mengenal dan mencintai Tuhan merupakan penjana dorongan dan tujuan utama yang mendasari seluruh ciptaan.
- \_\_\_\_\_ Hakikat setiap benda tercipta menjelmakan salah satu sifat Tuhan.
- \_\_\_\_\_ Roh manusia boleh menjelmakan semua sifat Tuhan.

## BAHAGIAN 14

Bahá'u'lláh memberitahu kita:

**"Akan tetapi, tenaga-tenaga ini yang telah dianugerahkan oleh Suria kurnia Ilahi dan Sumber bimbingan syurgawi pada hakikat manusia terletak terpendam di dalamnya, seperti nyala api yang tersembunyi dalam lilin dan sinar-sinar cahaya yang secara potensi berada dalam lampu. Sinaran cahaya tenaga-tenaga ini mungkin akan ditutupi oleh nafsu dunia seperti mana cahaya matahari berada tersembunyi di bawah debu dan kotoran yang menutupi cermin. Baik lilin mahupun lampu tidak dapat dinyalakan melalui usaha-usaha mereka sendiri tanpa dibantu, begitu juga bagi cermin untuk membebaskan dirinya daripada kotorannya. Sudah jelas dan nyata bahawa hanya sehingga api dihidupkan pada lampu barulah ia akan dinyalakan, dan**

**tidak sehingga kekotoran dibersihkan dari permukaan cermin ia tidak akan menjelmakan imej suria mahupun memantulkan cahaya dan keagungannya.”<sup>19</sup>**

1. Apakah erti perkataan “terpendam”? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Apakah antara kuasa-kuasa yang tersembunyi dalam roh manusia? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Apakah potensi yang terdapat dalam sebuah lampu? \_\_\_\_\_
4. Apakah potensi yang terdapat dalam sebuah cermin? \_\_\_\_\_
5. Apakah yang anda harus lakukan supaya lampu dapat memancarkan sinarnya? \_\_\_\_\_
6. Apakah yang anda harus lakukan supaya sebuah cermin dapat memantulkan cahaya? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
7. Adakah lampu dan cermin dapat menjelmakan potensinya melalui usaha sendiri? \_\_\_\_\_
8. Bagaimanakah kita dapat menghubungkaitkan dua contoh di atas dengan keadaan roh manusia? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
9. Siapakah yang dapat membuat roh manusia menjelmakan potensi-potensi yang terpendam di dalamnya? \_\_\_\_\_
  
\_\_\_\_\_

## **BAHAGIAN 15**

Bahá'u'lláh menyatakan:

**“Pintu pengetahuan tentang Wujud Purba sejak dahulu dan akan kekal selama-lamanya tertutup di hadapan manusia. Tiada pengertian manusia yang dapat memasuki hadirat suci-Nya. Namun, sebagai tanda rahmat-Nya, dan bukti kasih sayang-Nya, Dia telah menjelmakan kepada manusia para Suria bimbingan ilahi-Nya, Lambang ketunggalan keilahian-Nya, dan telah menetapkan bahawa pengetahuan Manifestasi-Manifestasi Suci ini sama**

**dengan pengetahuan Diri-Nya Sendiri. Barangsiapa yang mengakui Mereka telah mengakui Tuhan. Barangsiapa yang mendengar seruan Mereka telah mendengar Suara Tuhan, dan barangsiapa yang naik saksi atas kebenaran Wahyu Mereka, telah naik saksi atas kebenaran Tuhan Sendiri. Barangsiapa yang berpaling daripada Mereka telah berpaling daripada Tuhan, dan barangsiapa yang tidak mempercayai Mereka, telah tidak mempercayai Tuhan. Mereka itu masing-masing adalah Jalan Tuhan yang menghubungkan dunia ini dengan alam-alam syurgawi, dan merupakan Panji Kebenaran-Nya bagi semua yang ada di kerajaan-kerajaan di bumi dan di langit. Mereka adalah Manifestasi-Manifestasi Tuhan dalam kalangan manusia, bukti Kebenaran-Nya, dan tanda kemuliaan-Nya.”<sup>20</sup>**

1. Dengan mengingati petikan di atas, jawablah soalan-soalan berikut:
  - a. Mungkinkah kita mengenal Tuhan secara langsung? \_\_\_\_\_
  - b. Jika demikian, bagaimanakah kita dapat mengenal Tuhan? \_\_\_\_\_
  - c. Bolehkah anda sebutkan beberapa Suria bimbingan ilahi? \_\_\_\_\_
  - d. Suara siapakah yang didengar oleh seseorang yang telah mendengar seruan Manifestasi Tuhan? \_\_\_\_\_
  - e. Siapakah yang kita sedang berpaling daripada apabila kita tidak menghiraukan seruan daripada Manifestasi Tuhan? \_\_\_\_\_
2. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut:
  - a. Pintu pengetahuan tentang Wujud Purba sejak dulu dan akan kekal selama-lamanya \_\_\_\_\_.
  - b. Tiada pengertian manusia yang dapat memasuki \_\_\_\_\_.
  - c. Tuhan telah menjelmakan kepada manusia Manifestasi-Nya sebagai tanda \_\_\_\_\_ dan bukti \_\_\_\_\_.
  - d. Pengetahuan Manifestasi Tuhan adalah sama dengan pengetahuan \_\_\_\_\_.
  - e. Barangsiapa yang mengenal Mereka telah \_\_\_\_\_.
  - f. Barangsiapa yang mendengar seruan Mereka telah \_\_\_\_\_.
  - g. Mereka masing-masing adalah Jalan Tuhan yang \_\_\_\_\_.

- 
- 
3. Manakah antara yang berikut adalah benar?
- Kita dapat berkembang secara rohani melalui usaha kita sendiri sahaja.
  - Tuhan telah memberi kita fikiran, dan itu cukup untuk kemajuan kita.
  - Kita akan maju secara rohani dengan mengenal Manifestasi Tuhan dan tidak perlu berusaha lebih lagi.
  - Kita dapat maju secara rohani dengan mengenal Manifestasi Tuhan dan dengan berusaha untuk hidup mengikut ajaranNya.
  - Kita dapat mengenal Tuhan secara langsung.
  - Manusia boleh menjadi seperti Tuhan.
  - Tuhan dimuliakan di atas pemahaman manusia.
  - Semasa kita mendengar kata-kata Manifestasi Tuhan, kita sedang mendengar Suara Tuhan.

## BAHAGIAN 16

Bahá'u'lláh bersabda:

**"Para Nabi dan Utusan Tuhan telah diturunkan dengan tujuan untuk membimbing manusia ke Jalan Kebenaran yang lurus. Tujuan yang mendasari wahyu mereka adalah untuk mendidik semua orang, agar mereka, pada saat kematian, naik dalam kesucian dan keluhuran yang paling tinggi dan dengan ketakterikatan mutlak, ke takhta Yang Maha Tinggi."**<sup>21</sup>

Dan dalam satu lagi petikan, Baginda berkata:

**"Manusia ialah Azimat yang paling sakti. Walau bagaimanapun, kekurangan pendidikan yang sesuai telah menyebabkan dia dinafikan apa yang dimiliki olehnya secara lahiriah. Melalui satu kata yang berasal dari mulut Tuhan, manusia diwujudkan; dengan satu kata lagi, dia telah dibimbng untuk mengenal Sumber pendidikannya; dan dengan satu kata lagi, kedudukan dan takdirnya telah dilindungi. Wujud Agung berfirman: Anggaplah manusia sebagai satu lombong yang kaya dengan permata-permata yang tak terkira nilainya. Hanya pendidikan saja, yang dapat mengeluarkan khazanahnya, dan membolehkan umat manusia mendapatkan manfaat daripadanya. Jika sesiapa sahaja yang merenung pada apa yang telah diwahyukan oleh Tulisan-tulisan Suci, yang diturunkan dari langit Kehendak suci Tuhan, dia akan bersedia mengenali bahawa tujuan semua Tulisan itu adalah agar semua manusia harus dianggap sebagai satu roh, supaya mohor yang mengandungi**

**kata-kata ‘Kerajaan adalah milik Tuhan’ dapat dicapkan pada setiap kalbu, dan cahaya rahmat, anugerah, dan kemurahan Ilahi dapat meliputi semua umat manusia.”<sup>22</sup>**

1. Apakah tujuan Para Nabi dan Utusan Tuhan telah diturunkan? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Apakah tujuan yang mendasari wahyu mereka? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Apakah erti perkataan “azimat”? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. Apakah kesan kekurangan pendidikan yang sesuai? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
5. Apakah yang boleh dihasilkan oleh pendidikan yang sesuai? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
6. Apakah Sumber pendidikan kita? \_\_\_\_\_
7. Apakah takdir kita? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
8. Apakah permata-permata yang dapat dikeluarkan melalui pendidikan? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
9. Apakah yang kita akan bersedia untuk mengenali apabila kita merenung pada Tulisan-tulisan Suci? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## BAHAGIAN 17

Bahá'u'lláh menyatakan:

**“Selanjutnya, engkau telah bertanya kepada Aku mengenai keadaan roh setelah terpisah daripada badan. Ketahuilah engkau, mengenai kebenaran**

ini, bahawa jika roh manusia yang telah berjalan di jalan-jalan Tuhan, ia akan pastinya, kembali dan dikumpulkan ke kemuliaan Sang Kekasih. Demi keadilan Tuhan! Roh itu akan mencapai suatu kedudukan sedemikian luhur sehingga tiada pena yang dapat gambarkan atau lidah yang dapat huraikan. Roh yang tetap setia kepada Agama Tuhan, dan berdiri teguh tidak tergoncang di Jalan-Nya, setelah meninggal, akan memiliki kuasa sedemikian besar sehingga semua alam yang telah diciptakan Tuhan akan memperoleh manfaat melaluinya.”<sup>23</sup>

1. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut:
  - a. Jika roh manusia telah berjalan di jalan Tuhan, maka ia akan \_\_\_\_\_.  
\_\_\_\_\_.
  - b. Roh tersebut akan mencapai kedudukan sedemikian rupa sehingga \_\_\_\_\_.  
\_\_\_\_\_.
  - c. \_\_\_\_\_ yang telah tetap \_\_\_\_\_ kepada Agama Tuhan dan yang berdiri \_\_\_\_\_ di Jalan-Nya, setelah \_\_\_\_\_ akan, memiliki \_\_\_\_\_ sedemikian rupa sehingga semua alam yang telah Tuhan ciptakan mendapat \_\_\_\_\_ melaluinya.

## BAHAGIAN 18

Bahá'u'lláh memberitahu kita:

“Diberkatilah roh yang pada saat berpisah dengan tubuhnya suci dari semua khayalan sia-sia orang-orang di dunia. Roh yang demikian hidup dan bergerak sesuai dengan Kehendak Penciptanya, dan memasuki Syurga yang maha tinggi. Bidadari-bidadari Syurga, para penghuni istana terluhur, akan berhimpun di sekelilingnya, dan para Nabi Tuhan dan orang-orang pilihan-Nya akan menginginkan penemanannya. Dengan mereka, roh itu akan berbicara dengan bebas, dan akan menceritakan kepada mereka apa yang telah dialaminya di jalan Tuhan, Raja sekalian alam.”<sup>24</sup>

“Dia harus memaafkan orang yang berdosa, serta tidak memandang hina pada kedudukan mereka yang rendah, kerana tidak seorang pun akan mengetahui bagaimana hidupnya sendiri akan berakhir. Betapa sering seorang pendosa, mencapai inti keimanan pada saat kematiannya dan dengan meminum air abadi, telah terbang menuju ke Angkatan syurgawi! Dan betapa seringnya seorang penganut yang salih, pada saat kenaikan rohnya, menjadi begitu berubah sehingga jatuh ke dalam api yang terdalam.”<sup>25</sup>

1. Bagaimanakah seharusnya keadaan roh kita sewaktu berpisah dengan badan? \_\_\_\_\_
  
2. Apakah antara beberapa khayalan sia-sia? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  
3. Dalam keadaan apakah roh yang suci dari semua khayalan sia-sia hidup dan bergerak selepas mati? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  
4. Siapakah yang akan menjadi teman-teman roh-roh? \_\_\_\_\_
  
5. Dapatkah roh-roh ini berbicara dengan para Nabi Tuhan dan orang-orang pilihan-Nya? \_\_\_\_\_
  
6. Adakah kita akan tahu terlebih dahulu bagaimana dan bila kehidupan dunia kita akan berakhir? \_\_\_\_\_
  
7. Apakah yang boleh kita lakukan sekarang untuk mencapai kehidupan abadi yang ditakdirkan untuk kita? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

## BAHAGIAN 19

‘Abdu’l-Bahá menerangkan:

**“Setelah menanggalkan kerangka alam ini kerana roh manusia hidup selama-lamanya, ia seperti semua ciptaan yang wujud, sudah pasti berkemampuan untuk meningkat maju, maka seseorang boleh berdoa bagi perkembangan roh yang telah meninggal, untuk ia diampuni, atau untuk ia dijadikan penerima nikmat, kurnia, dan rahmat ilahi. Itulah sebabnya, dalam doa-doa Bahá’u’lláh, pengampunan dan pemaafan daripada Tuhan dimohon bagi mereka yang telah naik ke dunia berikutnya. Lebih-lebih lagi, seperti manusia memerlukan Tuhan di dunia ini, begitu juga mereka memerlukan Dia di akhirat. Makhluk selalu memerlukan, dan Tuhan adalah selamanya bebas daripada mereka, sama ada di dunia ini atau di dunia yang akan datang.”<sup>26</sup>**

Mengapakah kita harus berdoa untuk roh-roh yang telah meninggal dunia?

---

---

---

---

---

---

---

---

## BAHAGIAN 20

‘Abdu’l-Bahá bertulis:

**“Ketika roh manusia melayang keluar dari timbunan debu sementara ini dan naik ke dunia Tuhan, maka tabir-tabir akan jatuh, dan kebenaran akan terungkap, dan semua perkara yang tidak diketahui sebelumnya akan dijadikan jelas, dan kebenaran tersembunyi akan difahami.**

**“Pertimbangkan bagaimana manusia, di dunia rahim, pekak telinga dan buta mata, dan bisu lidah; bagaimana dia tidak mempunyai persepsi sama sekali. Tetapi sejurus keluar dari dunia kegelapan itu, dia memasuki dunia cahaya ini, lalu matanya melihat, telinganya mendengar, lidahnya berbicara. Dengan cara yang sama, setelah dia bergegas pergi dari tempat fana ini ke dalam Kerajaan Tuhan, lalu dia akan dilahirkan dalam roh; lalu mata persepsinya akan terbuka, telinga rohnya akan mendengar, dan semua kebenaran yang dia tidak tahu sebelumnya akan diper mudah dan diper jelaskan.”<sup>27</sup>**

1. Isikan tempat-tempat kosong di bawah.
  - a. Ketika roh manusia meninggalkan dunia ini, maka
    - tabir-tabir \_\_\_\_\_,
    - dan kebenaran \_\_\_\_\_,
    - dan semua perkara yang tidak diketahui sebelumnya \_\_\_\_\_
    - \_\_\_\_\_ ,
    - dan kebenaran tersembunyi \_\_\_\_\_ .
  - b. Di dunia \_\_\_\_\_, kita \_\_\_\_\_ telinga, \_\_\_\_\_ mata, dan \_\_\_\_\_ lidah.

- c. Apabila kita lahir di dunia ini, lalu mata kita \_\_\_\_\_, telinga kita \_\_\_\_\_, dan lidah kita \_\_\_\_\_.
- d. Dengan cara yang sama, setelah kita meninggalkan dunia ke Kerajaan Tuhan, lalu kita akan \_\_\_\_\_ dalam \_\_\_\_\_.
- e. Lalu \_\_\_\_\_ kita akan terbuka, telinga \_\_\_\_\_ akan \_\_\_\_\_, dan semua \_\_\_\_\_ yang kita tidak tahu sebelumnya akan \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
2. Tentukan sama ada pernyataan-pernyataan yang berikut adalah benar:
- \_\_\_\_\_ Semasa kita berada di dunia rahim, kita mengetahui tentang dunia ini.
- \_\_\_\_\_ Keadaan kita selepas kematian adalah sebuah kebenaran yang tersembunyi daripada kita dalam kehidupan ini.
- \_\_\_\_\_ Ufuk yang sama sekali baru, akan dibuka di hadapan kita selepas kematian.
- \_\_\_\_\_ Apabila kita mati, kita kembali ke dunia ini untuk dilahirkan semula.

## BAHAGIAN 21

Bahá'u'lláh menyatakan:

**"Dan sekarang mengenai persoalanmu adakah roh manusia akan terus sedar akan satu sama lain selepas pemisahan mereka dari tubuh. Ketahuilah bahawa roh-roh orang-orang Bahá, yang telah memasuki dan bertapak di dalam Bahtera Crimson, akan bergaul dan berbicara erat antara satu sama lain, dan akan berhubung dengan begitu erat dalam kehidupan mereka, aspirasi, tujuan dan perjuangan mereka sehingga menjadi satu roh. Mereka sememangnya orang-orang yang berpengetahuan, berwawasan tinggi, dan diberkati dengan pemahaman. Demikianlah telah ditetapkan oleh Dia yang Maha Tahu, Yang Maha Bijaksana.**

**"Orang-orang Bahá, yang merupakan penghuni Bahtera Tuhan, masing-masing, sangat memahami keadaan dan situasi satu sama lain, dan bersatu dalam ikatan keakraban dan persahabatan. Akan tetapi, keadaan seperti itu harus bergantung pada keimanan dan tingkah laku mereka. Mereka yang mempunyai gred dan kedudukan yang sama menyedari keupayaan, sifat, pencapaian dan merit masing-masing. Mereka yang berada di gred yang lebih rendah, bagaimanapun, tidak dapat memahami secukupnya kedudukan ataupun mengira merit mereka yang berada berpangkat lebih tinggi daripada mereka. Masing-masing akan mendapat bahagiannya daripada Tuhanmu. Berbahagialah orang yang memalingkan wajahnya kepada Tuhan, dan berjalan dengan teguh dalam kasih-Nya, sehingga rohnya melayang ke arah**

**Tuhan, Tuhan Yang Maha Esa dari segala, Yang Maha Kuasa, Yang Maha Pengampun, Yang Maha Penyayang.”<sup>28</sup>**

1. Di dunia seterusnya, adakah kita akan mengenali orang-orang yang kita kenali di dunia ini? \_\_\_\_\_
2. Betapa eratnya hubungan antara roh-roh di dunia seterusnya? \_\_\_\_\_
3. Perbezaan dan keunggulan antara roh-roh di dunia seterusnya bergantung kepada apa? \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. Adakah sesiapa yang akan dinafikan daripada rahmat Tuhan? \_\_\_\_\_

## **BAHAGIAN 22**

Bahá’u’lláh menasihati kita:

**“Wahai hamba-hamba-Ku! Janganlah bersedih hati jika, pada hari-hari ini dan di dunia fana ini, hal-hal yang bertentangan dengan keinginanmu telah ditakdirkan dan dinyatakan oleh Tuhan, kerana hari-hari keriangan yang tinggi, yang penuh nikmat syurgawi, akan pastinya diperuntukkan bagimu. Alam-alam, yang suci dan rohaniah keagungannya, akan dibuka di hadapan matamu. Engkau ditakdirkan oleh-Nya, di dunia ini dan di akhirat, untuk mengambil bahagian daripada keuntungan-keuntungan alam-alam itu, untuk berkongsi keriangannya, dan untuk mendapat bahagian daripada rahmatnya yang menghidupkan. Semestinya engkau akan mencapai setiapnya dan kesemuanya.”<sup>29</sup>**

1. Tentukan sama ada pernyataan-pernyataan yang berikut adalah benar:
  - \_\_\_\_\_ Kita harus berasa sedih apabila keadaan tidak seperti yang kita mahukan.
  - \_\_\_\_\_ Semua kejadian, sama ada yang menyenangkan maupun yang buruk adalah takdir Tuhan.
  - \_\_\_\_\_ Hari-hari yang penuh bahagia sedang menunggu kita.
  - \_\_\_\_\_ Kita pasti akan melihat alam-alam yang keagungannya suci dan rohaniah.
  - \_\_\_\_\_ Kita ditakdirkan untuk turut mengambil bahagian daripada keuntungan-keuntungan dalam alam tersebut yang keagungannya suci dan rohaniah, baik dalam kehidupan ini maupun di akhirat.

2. Kenapakah kita tidak seharusnya bersedih jika terjadi perkara yang bertentangan dengan kehendak kita? \_\_\_\_\_

---

---

3. Apakah yang dijanjikan oleh Bahá'u'lláh dalam petikan di atas? \_\_\_\_\_

---

---

## BAHAGIAN 23

Dalam unit ini, anda telah memikirkan makna kehidupan manusia. Anda telah mempelajari banyak hal mengenai sifat roh, tujuan kehidupan di dunia ini, pentingnya mengembangkan sifat-sifat rohani, dan janji yang diberikan kepada kita akan kehidupan yang abadi, mulia dan penuh dengan kegembiraan. Dalam unit kedua buku ini, kita membincangkan dua tujuan, iaitu untuk mengejar pertumbuhan rohani dan intelektual kita sendiri dan menyumbang kepada transformasi masyarakat. Berikut adalah peluang untuk kembali ke konsep itu dan memikirkan pentingnya memperhatikan kedua-dua aspek tujuan ini, berdasarkan pengertian yang telah anda perolehi mengenai kemajuan roh. Renungan anda mungkin mendapat manfaat daripada perbincangan mengenai tema-tema di bawah dalam kumpulan anda.

1. *Memperkembangkan sifat-sifat rohani*
2. *Mematuhi hukum-hukum Tuhan*
3. *Menyumbang kepada kesejahteraan umat manusia*
4. *Mara ke hadapan di atas jalan khidmat*

## RUJUKAN

1. Daripada suatu ceramah pada 10 October 1911, diterbit di Ceraman-ceramah Paris: Ucapan-ucapan yang diberikan oleh ‘Abdu’l-Bahá di Paris pada tahun 1911 (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, cetakan 2006, 2016), no. 29.
2. Daripada sepucuk surat bertarikh 1 April 1946 ditulis bagi pihak Shoghi Effendi, diterbit di Lights of Guidance: A Bahá’í Reference File (New Delhi: Bahá’í Publishing Trust, cetakan 1988, 2010), no. 1820.
3. Daripada sepucuk surat bertarikh 28 July 2016 ditulis bagi pihak Balai Keadilan Sedunia.
4. ‘Abdu’l-Bahá, dalam Some Answered Questions (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, cetakan 2014, 2016), no. 66.3.
5. Ibid., no. 38.5
6. Daripada suatu ceramah ‘Abdu’l-Bahá pada 9 November 1911, diterbit di Ceraman-ceramah Paris, no. 28.16.
7. Daripada sepucuk surat bertarikh 31 Disember 1937 ditulis bagi pihak Shoghi Effendi, diterbit dalam Lights of Guidance, no. 680.
8. Himpunan daripada Tulisan-Tulisan Bahá’u’lláh (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, cetakan 1983, 2017), LXXXII
9. ‘Abdu’l-Bahá, dalam Some Answered Questions, no. 61.1-2.
10. Himpunan daripada Tulisan-Tulisan Bahá’u’lláh, LXXX.
11. Ibid., LXXXI.
12. Ibid., CLXV.
13. Bahá’u’lláh, *Kalimat-Kalimat Tersembunyi* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, cetakan 2003, 2012), Bahasa Arab, no. 32.
14. Daripada suatu ceramah pada 6 July 1912, Pemupukan Keamanan Universal: Ceramah-ceramah yang telah disampaikan oleh ‘Abdu’l-Bahá semasa lawatan-Nya ke Amerika Syarikat dan Kanada pada 1912 (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, cetakan 2012). (Terjemahan Sah)
15. Himpunan daripada Tulisan-Tulisan Bahá’u’lláh, V.

16. Ibid., LXXXII.
17. Ibid., CLIII.
18. Ibid., XXVII.
19. Ibid., XXVII.
20. Ibid., XXI.
21. Ibid., LXXXI.
22. Ibid., CXXII.
23. Ibid., LXXXII.
24. Ibid., LXXXI.
25. Ibid., CXXV.
26. ‘Abdu’l-Bahá, dalam Some Answered Questions, no. 62.3.
27. *Pilihan daripada Tulisan-Tulisan ‘Abdu’l-Bahá* (Wilmette: Bahá’í Publishing Trust, cetakan 2010, 2015), no. 149.3-4
28. Himpunan daripada Tulisan-Tulisan Bahá’u’lláh, LXXXVI.
29. Ibid., CLIII.